



# SELANGOR

PERCUMA 19 - 25 April 2018, 3 - 9 Syaaban 1439

www.selangorkini.my Media\_Selangor

selangortv.my MediaSelangor



Imbas kod QR ini untuk muat turun aplikasi tehtARiq



1 Muat turun tehtARiq dari apps store



2 Imbas imej dengan ikon ini



3 Tonton Klik TV Selangor



Muat turun dan scan dengan tehtARiq

GIAT PROMOSI KE NEGARA ASEAN

MUKA 10

#STANDTOGETHER LAWAN BULI

MUKA 20

BLUEPRINT SELANGOR MANFAAT UNTUK RAKYAT

MUKA 22

MEDIA SELANGOR KINI MENERBITKAN EDISI KHAS SELANGORKINI PEDULI BERMULA 2 APRIL 2018 YANG DIEDARKAN SETIAP SELASA



## TUNAI IMPIAN RAKYAT

Rumah selangorku



OLEH HAFIZAN TAIB

**SELYANG** - Pembangunan Rumah Selangorku menjadi agenda utama Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat, di negeri ini memiliki kediaman sendiri.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia menjadi keutamaan Kerajaan Negeri kerana pemilikan rumah adalah hak asasi setiap rakyat bagi mendapatkannya serta keadaan perlindungan

dan keselesaan.

"Sejak diberi amanah sebagai Dato' Menteri Besar, saya meletakkan pembangunan Rumah Selangorku ini sebagai agenda utama Kerajaan Negeri.

"Pembangunannya selaras hasrat Kerajaan Negeri supaya setiap rakyat di Selangor berpeluang memiliki kediaman sendiri yang kondusif, mampu dimiliki, selamat dan berkualiti," katanya pada Majlis Pecah Tanah Rumah Selangorku Idaman PKNS, di

Kampung Seri Temenggung, di sini, pada 17 April lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad; Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datin Paduka Dr Noraida Mohd Yusof.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri memperkenalkan satu dasar pragmatik

iaitu pendemokrasian pemilikan rumah bagi memenuhi tujuan berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program berkaitan demi memenuhi keperluan rakyat, di Selangor.

"Kita harus memastikan program sudah mendapat kelulusan (sebelum Dewan Negeri Selangor dibubarkan) harus berjalan dengan lancar supaya akhirnya memberi kemakmuran kepada rakyat," katanya.

**PROMOSI REUNION ALUMNI**

**POTONGAN SEHINGGA 70%**

BLACKHALL - 1,597sqft

OPENBOX - 1,096sqft

**AKHIRNYA KITA BERTEMU**

KEMBALIKAN KENANGAN LAMA BERSAMA RAKAN-RAKAN ANDA DI

**BLACK BOX**

UNTUK TEMPAHAN : 03-55104600 / 017-5748570 / 014-608 0965

SACC Mall **PREC** PKNS REAL ESTATE

SACC Mall saccmall blackbox



Tampung hutang negara

# GST kesan ketirisan BN

OLEH HAFIZAN TAIB

**SELAYANG** - Kerajaan Persekutuan didakwa melaksanakan kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi membayar hutang berbilion ringgit ditanggung negara hasil ketirisan serta penyalahgunaan kuasa yang berlaku.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sehubungan itu Pakatan Harapan (PAKATAN) akan membatalkannya apabila berjaya mengambil alih pentadbiran negara di Putrajaya kerana ia membebaskan semua khususnya rakyat.

"Kita tiada keperluan melaksanakan GST memandangkan keutamaan Kerajaan Persekutuan ialah menutup semua ruang ketirisan dan salah guna kuasa.

"Dilihat daripada laporan Ketua Audit Negara setiap tahun, kebocoran berlaku membabitkan puluhan bilion ringgit dan jika kita boleh mengatasi masalah ini, maka boleh selamatkan wang rakyat serta tidak perlu membayar GST," katanya selepas Majlis Perasmian Pecah Tanah Rumah Selangorku Idaman PKNS, di Kampung Seri Temenggung di sini, pada 17 April lalu.

Katanya, berdasarkan jawapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika sesi soal jawab di Parlimen, kutipan GST didakwa bagi membayar hutang negara.

"Faedah dibayar Kerajaan Persekutuan untuk membayar hutang negara ialah RM31 bilion.

"Ini bermakna, GST dikutip sebenarnya untuk membayar hutang negara bukan bertujuan memberi balik kepada rakyat melalui projek pembangunan," katanya.

GST diperkenalkan Kerajaan Barisan Nasional dengan kadar enam peratus, pada 1 April 2015.



Mohamed Azmin ditemui pemberita ketika Majlis Pecah Tanah Rumah Selangorku Idaman PKNS, di Kampung Seri Temenggung, pada 17 April lalu

## Saman SPLASH tiada kaitan Kerajaan Negeri

**SELAYANG** - Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kaitan berkenaan tuntutan saman RM4.22 bilion Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

Sehubungan itu, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, tuduhan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar, bahawa Kerajaan Negeri akan mufliis jika gagal menjelaskan bayaran terhadap tuntutan itu tidak berasas.

"Ini membuktikan Umno-BN ti-

tidak mempunyai tokoh yang dapat memahami urusan ekonomi atau mengurus negara dan negeri kerana yang disaman ialah SYABAS bukan Kerajaan Negeri.

"Maka, tiada hubungan terhadap *consolidated fund* atau rizab yang ada dalam Kerajaan Negeri, hari ini," katanya.

Mengulas kes tuntutan saman SPLASH terhadap SYABAS, Mohamed Azmin berkata, syarikat itu pasti akan mengambil langkah membela dan mempertahankan kedudukannya, di mahkamah nanti.

"Ketika ini (kes itu) memang

tiada hubungan dengan Kerajaan Negeri dan tiada kaitan dengan *consolidated fund* atau rizab dimiliki," katanya.

Terdahulu, Noh membuat tuduhan Kerajaan Negeri akan mufliis jika tidak berkemampuan membayar hutang RM4.22 bilion dituntut SPLASH kerana Selangor didakwa hanya memiliki rizab sekitar RM3 bilion dan mustahil membayarnya.

Pada 9 April lalu, SPLASH menyerahkan writ bersama dengan pernyataan tuntutan kepada SYABAS bagi menuntut semua hutang tertunggak berjumlah RM4.22 bilion.

## Optimis bawa hala tuju reformasi negara

**SHAH ALAM** - Pakatan Harapan (PAKATAN) optimis mampu membawa hala tuju reformasi pembangunan negara jika diberi peluang memegang tampuk kepimpinan di Putrajaya, pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Presidennya, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, gabungan itu komited melakukan pembaharuan dalam sistem kenegaraan Malaysia yang lebih baik.

Beliau berkata, ia termasuk pengukuhan dasar pendidikan yang dilaksanakan secara konsisten bagi melahirkan graduan berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan mampan ekonomi negara.

"Jika rakyat memberi sokongan padu dan besar pada PRU14 dengan tujuan melakukan pembaharuan dalam sistem kenegaraan, saya serta pimpinan bertekad untuk memastikan pelaksanaan sistem pendidikan progresif dapat dilaksanakan.

"Ia bagi menjamin pendemokrasian pendidikan yang membuka peluang kepada semua rakyat untuk mendapat akses kepada pendidikan berkualiti, berinovasi dan meningkatkan kebolehpasaran anak muda serta produktiviti negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Sekolah Fasa Pertama, di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 16 April lalu.

**Jika rakyat memberi sokongan padu dan besar pada PRU14 dengan tujuan melakukan pembaharuan dalam sistem kenegaraan, saya serta pimpinan bertekad untuk memastikan pelaksanaan sistem pendidikan progresif dapat dilaksanakan**

**MOHAMED AZMIN**  
Timbalan Presiden KEADILAN

Terdahulu, Mohamed Azmin berkata, mandat pentadbiran negara memerlukan kredibiliti pimpinan telus dan mampu menjaga kelestarian.

Beliau berkata, Selangor dan Pulau Pinang yang ditadbir PAKATAN sudah membuktikan beberapa kejayaan dasar berkeadilan untuk rakyat.

"Di Selangor misalnya, kita perkenalkan Inisiatif Peduli Rakyat yang memberi manfaat kepada masyarakat, seluruh negeri.

"Tidak terhenti setakat itu, kemajuan dan kecemerlangan Selangor menjadikannya sebagai negeri kegemilangan masa depan Malaysia," katanya.



Mohamed Azmin meluangkan masa beramah mesra bersama hadirin ketika menghadiri Majlis Pecah Tanah Rumah Selangorku yang sangat signifikan dengan Kerajaan Negeri

## PKNS di landasan tepat

**SELAYANG** - Lebih 80 peratus daripada 160,000 rumah yang dibina Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah kos rendah, sederhana dan mampu milik.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia membuktikan anak syarikat Kerajaan Negeri itu masih berada pada matlamat penubuhannya dalam membantu rakyat dengan memajukan pembinaan rumah mampu milik.

"Daripada 160,000 rumah dibina, 87 peratus adalah rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik dengan hanya 13 peratus sahaja rumah kos tinggi.

"Ini membuktikan tuduhan bahawa PKNS lari daripada matlamat asal adalah tidak benar," katanya.

Beliau berkata, PKNS memang berada pada landasan tepat dengan pembinaan rumah mampu milik dan berkualiti untuk dimiliki rakyat Selangor.

Katanya, perkongsian dan ker-

jasama bijak terjalin antara PKNS serta pihak swasta dalam membangunkan projek pembinaan di kawasan itu membantu menjayakan program Rumah Selangorku diperkenalkan Kerajaan Negeri.

"Pembangunan dilaksanakan PKNS menepati hasrat Kerajaan Negeri bagi memastikan pembangunan mampan di bandar dan luar bandar Selangor.

"Pembabitan PKNS dalam pembinaan rumah mampu milik juga signifikan dan bakal merencanakan lagi pembangunan kediaman berkualiti untuk rakyat," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Gombak kini menjadi tumpuan dengan kewujudan kawasan industri termasuk di kawasan sekitar seperti Rawang dan Hulu Selangor menyebabkan ramai rakyat berhijrah, di situ.

"Saya berharap pembangunan Rumah Selangorku Idaman PKNS akan menjadi mercu tanda baharu kepada Gombak," katanya.

## Kediaman serendah RM100,000

**SELAYANG** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menawarkan Pangsapuri Mampu Milik Selangorku dengan harga serendah RM100,000 bagi 90 unit berkeluasan 750 kaki persegi (kps), di Kampung Seri Temenggung, di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datin Paduka Dr Noraida Mohd Yusof berkata, pangsapuri berkenaan selaras dasar Kerajaan Negeri iaitu 'Satu Keluarga Sebuah Kediaman Yang Sempurna' dengan dilengkapi kemudahan asas lengkap untuk menjamin kesesuaian bakal pemilik.

"PKNS dengan usahasama Rexpoint Resources Sdn Bhd menambah lagi 420 unit rumah jenis

Selangorku untuk fasa pertama dan 248 bagi pembangunan fasa kedua.

"Kedua fasa ini membabitkan 8.6 ekar tanah, lengkap dengan segala kemudahan kepada bakal pembeli apabila siap menjelang tahun 2021 bagi fasa pertama," katanya.

Noraida berkata, PKNS yakin projek berkenaan menepati citarasa pembeli berdasarkan konsep reka bentuk dan pemilihan lokasi yang amat strategik dengan jaringan akses kemudahan logistik melalui Lebuh Raya Duta Ulu Klang (DUKE) dan Jalan Lingkar Tengah 2 (MRR2) serta akses utama melalui Lebuh Utama Sri Gombak.

## Skim Smart First Home Buyers

# Penuhi hasrat miliki rumah



Mohamed Azmin selepas menyempurnakan acara pecah tanah pembinaan pangsapuri Rumah Selangorku iaitu projek rumah mampu milik ketujuh dibangunkan PKNS

OLEH HAFIZAN TAIB

**SELAYANG** - Skim Smart Selangor First Home Buyers diperkenalkan bagi membantu rakyat membayar wang pendahuluan 10 peratus untuk memenuhi hasrat memiliki Rumah Selangorku.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, skim itu diperkenalkan bagi membantu golongan sasaran yang menghadapi masalah membayar deposit dan mendapatkan pinjaman.

"Cabaran untuk memiliki rumah sekarang ialah mendapatkan pinjaman kerana syarat ketat

dikenakan Bank Negara.

"Maka, kepada mereka yang menghadapi masalah pembayaran deposit atau pinjaman untuk membeli rumah mampu milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) atau anak syarikat Kerajaan Negeri, boleh memohon skim ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Pangsapuri Mampu Milik Selangorku, di sini.

Mohamed Azmin berkata, menerusi kerjasama dijalin Kerajaan Negeri melalui PKNS bersama pihak swasta, sasaran pembinaan Rumah Selangorku berjaya

dicapai melebihi 15,000 unit, tahun ini.

Katanya, Kerajaan Negeri kini meneruskan usaha membina lebih banyak rumah mampu milik dalam pelbagai peringkat serta fasa menghampiri 25,000 unit.

"Projek pembinaan dijayakan PKNS ini selaras dasar Kerajaan Negeri yang mahu rakyat khususnya berpendapatan sederhana dan rendah termasuk golongan milenium (B40) memiliki rumah berkualiti, pada harga mampu milik.

"PKNS mempunyai peranan penting membantu Kerajaan Negeri menjayakan dasar ini," katanya.



nan, kawasan lapang, taman permainan, gelanggang badminton, gelanggang futsal, rumah sampah dan pondok pengawal.

Pangsapuri Mampu Milik Selangorku adalah projek rumah mampu milik ketujuh PKNS dengan enam projek terdahulu di-

siapkan yang terdiri daripada 1,422 unit rumah berkembar di Bukit Botak, 124 unit pangsapuri (Seksyen 3 Bandar Baru Bangi), 129 unit teres 1 1/2 tingkat dan 80 unit rumah teres dua tingkat (Antara Gapi), 198 unit town house (Kota Puteri) serta 104 unit pangsapuri, di Desa Alam.



## Pengurusan DEFM suntik aspek komersial stadium

**SELAYANG** - Keputusan Kerajaan Negeri menyerahkan pengurusan Stadium Shah Alam kepada Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (DEFM) bertujuan menambah baik dan menyuntik aspek komersial dalam pengurusan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, pendekatan diambil turut akan megurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Negeri daripada segi penyediaan peruntukan, setiap tahun.

"Majlis Bandaraya Shah Alam selaku pihak pengurusan stadium terpaksa menggunakan wang pembayar cukai lebih kurang RM4 hingga RM5 juta, setahun.

"Selepas pengambilalihan ini, DEFM meletakkan tiga atau empat tahun pertama untuk disuntik Kerajaan Negeri dan kita akan menyuntik aspek komersial seperti pengurusan stadium di negara maju supaya dapat bergerak dengan pembiayaan penuh daripada o-

perasi semasa," katanya.

Beliau berkata, pengambilalihan pengurusan Kompleks Belia dan Sukan juga dengan tujuan sama dan kini Kerajaan Negeri tidak perlulagi mengeluarkan sebarang peruntukan kepada DEFM.

Sebelum perubahan itu, katanya, pengurusan kompleks di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan perbelanjaan pengurusan adalah lebih kurang RM1 juta, setahun.

"Keputusan menyerahkan Stadium Shah Alam kepada DEFM atau nama lamanya, MSNH Holdings Sdb Bhd (MSNSH) dibuat pada 2009 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Saya selaku Exco Kerajaan Negeri dan Pengerusi DEFM hanya melengkapkannya selepas melalui beberapa proses rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri.

"Maka, keputusan ini tidak perlu dipertikaikan kerana ia masih diuruskan anak syarikat 100 peratus milik Kerajaan Negeri," katanya.



Beri akses sama rata

# Wujud kemudahan sekolah agama OKU



Mohammed Kusrin bergambar kenangan ketika persidangan Organisasi Bukan Kerajaan Islam (NGO-i) Majlis Agama Islam Selangor, di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada 16 April lalu

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Sudah tiba masanya Selangor memiliki sekolah agama khusus untuk memudahkan golongan orang kelainan upaya (OKU) mendapat akses pendidikan agama terbaik, di negeri itu.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Setia Mohammed Kusrin Munawi berkata, Kerajaan Negeri juga perlu melatih guru agama menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan golongan berkenaan.

"Ini adalah cabaran kita mengajar mereka yang buta, pekak dan kelainan upaya lain kerana persatuan sedia ada kebanyakan memiliki akses terhad untuk membawa pelajar ini ke tempat belajar serta berdepan pelbagai isu.

"Di peringkat MAIS atau Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), kita perlu menubuhkan sekolah seperti Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) khusus untuk mereka kerana jika diberi peluang, mereka memiliki bakat dan kelebihan tersendiri," katanya.

Beliau berkata, selain sekolah agama khas untuk OKU, sekolah agama biasa di Selangor juga boleh mewujudkan kelas khas untuk golongan itu menjalani pembelajaran.

Mohammed Kusrin berkata, hal itu kerana golongan OKU juga memerlukan pendidikan agama sama seperti masyarakat biasa.

"Masalah dihadapi golongan ini adalah kekurangan bantuan untuk memastikan mereka mendapat peluang pembelajaran sebetulnya walaupun tidak memiliki kesempurnaan fizikal," katanya.

## YIDE-SELGATE tubuh pusat dialisis

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meluangkan masa berkunjung ke Selgate Corporation Sdn Bhd (SELGATE) bagi membincangkan kerjasama penubuhan pusat dialisis di daerah yang masih belum terdapat Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Komitmen memperluaskan Pusat Dialisis MAIS di setiap daerah itu diambil selepas melihat kepada bilangan pesakit buah pinggang yang semakin mening-

kat, saban tahun.

Pertemuan antara Pengurus Operasi YIDE, Mohd Arifin Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif SELGATE, Noor Hisham Mohd Ghouth itu antara lain turut membincangkan hal ehwal penajaan untuk anak yatim di bawah seliaan YIDE, pada Ramadan ini.

Untuk rekod, YIDE adalah sebuah yayasan yang memberi khidmat sokongan kebajikan dalam bidang kesihatan dan pe-

rubatan seperti rawatan Hemodialisis yang dikawal selia Pusat Dialisis MAIS.

Setakat ini, YIDE sudah mengurus selia enam cawangan Pusat Dialisis MAIS membabitkan Shah Alam, Kapar, Kuala Selangor, Sungai Besar, Taman Melawati dan Bukit Jelutong.

Semua pusat dialisis itu menyediakan 43 mesin hemodialisis bagi menampung kapasiti 258 pesakit daripada pelbagai peringkat umur.

Malah, YIDE turut berperanan menguruskan hal ehwal anak yatim di Selangor dengan melaksanakan program agihan sumbangan kewangan dan bantuan pendidikan.

Terdahulu, YIDE menyalurkan bantuan kesihatan dengan mengagihkan kad Peduli Sihat kepada anak yatim dan penjaga melalui SELGATE.



## SELANGOR SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus

**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib : hapizantab@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umr : hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com

Sabirah Aziz : maizaitul@mediaselangor.com

Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

Syazwani Sufian : syazwani@mediaselangor.com

Nadiah Zamli : sitinadiah@mediaselangor.com

Haziq Ismail : zulhaziq@mediaselangor.com

**JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:**

Nadhran Azlan : nadhran@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Penuhi komitmen

# Selesai 24,660 rumah terbengkalai

OLEH SHEEDA FATHIL

**SELAYANG** - Sebanyak 53 projek perumahan terbengkalai membabitkan 24,660 unit kediaman berjaya diselesaikan Kerajaan Negeri sejak mengambil alih pentadbiran Selangor, pada 2008.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dan mengenakan tindakan tegas dengan menyenarai hitam pemaju yang terbukti gagal menyiapkan projek mereka.

"Selepas mengenal pasti nama pemaju yang disenarai hitam, maka mereka tidak dibenarkan lagi melaksanakan sebarang pembangunan, di negeri ini.

"Matlamat Kerajaan Negeri adalah memperhebatkan pembinaan Rumah Selangorku selaras inisiatif merakyatkan ekonomi Selangor menerusi kemudahan dan skim diperkenalkan,"

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Rumah Selangorku Idaman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), di Kampung Seri Temenggung, di sini, pada 17 April lalu.

Pada masa sama, Iskandar berkata, penyediaan rumah mampu milik adalah agenda utama Kerajaan Negeri demi memastikan rakyat mampu memiliki kediaman impian.

Katanya, pelaksanaan skim *Smart Selangor First Home Buyers* yang dilancarkan pada Februari lalu membuktikan Kerajaan Negeri serius dan komited membantu mengurangkan beban bakal pembeli untuk menyediakan 10 peratus bayaran deposit pembelian rumah mampu milik.

"Dasar Kerajaan Negeri memperkenalkan pelbagai inisiatif pemilikan rumah menjadikan ia pemangkin kepada akses perumahan berkualiti, selesai dan mampu milik kepada rak-



**Kerajaan Negeri terus serius menyelesaikan isu projek terbengkalai dan komited membantu rakyat memiliki kediaman, pada harga mampu milik**

yat untuk memiliki kediaman berkualiti dengan harga bawah RM250,000," katanya.

Beliau turut memuji usa-

ha PKNS dalam menyediakan keperluan perumahan kepada rakyat.

"Diharap segala peranca-

ngan pembinaan projek seumpama ini pada masa hadapan dapat direalisasikan dengan jayanya," katanya.

## Projek Rumah Selangorku bukan lulus lepas bubar

**SELAYANG** - Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menafikan projek Rumah Selangorku Idaman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), di Kampung Seri Temenggung, di sini, diluluskan selepas Dewan Negeri Selangor (DNS) dibubarkan.

Sebaliknya, Dato' Menteri Besar itu berkata, kelulusan bagi projek berkenaan diberikan lama dahulu termasuk pendaftaran untuk pembeli yang berminat memilikinya, seawal 2015.

"Ini bukan keputusan baharu dan kelulusan untuk membangunkan Rumah Selangorku ini bukan dibuat pagi ini atau semalam.

"Sebagai Kerajaan Negeri sementara, saya tidak akan memberi sebarang kelulusan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, bagi menayakan projek berkenaan, PKNS perlu mematuhi beberapa syarat ditetapkan Majlis Perbandaran Selangor.

Katanya, kedua pihak sudah mengadakan perbincangan berhubung perkara itu tahun lalu dan pembangunan projek berkaitan diluluskan, selepas itu.

Terdapat dakwaan pihak tertentu bahawa Kerajaan Negeri memberi kelulusan segera kepada pembangunan yang dilancarkan selepas pembubaran DNS bertujuan memancing undi untuk Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

PKNS memajukan projek pembangunan Rumah Selangorku di kawasan itu dengan jalinan kerjasama syarikat swasta, Rexpoint Resources Sdn Bhd.

Sebanyak 420 unit dibangunkan bagi fasa pertama dan 248 unit (fasa kedua) di kawasan seluas 8.5 ekar lengkap dengan kemudahan kepada pembeli apabila siap



menjelang 2021 bagi fasa pertama.

Harga ditawarkan bermula RM100,000 hingga RM220,000.

Hadir sama, Exco Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad; Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datin Paduka Dr Noraida Mohd Yusof.

**Ini bukan keputusan baharu dan kelulusan untuk membangunkan Rumah Selangorku ini bukan dibuat pagi ini atau semalam**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

## PAKATAN Selangor selesai agih kerusi

**SHAH ALAM** - Pakatan Harapan (PAKATAN) Selangor mencapai kata sepakat memuktamadkan pengagihan kerusi Dewan Negeri Selangor bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 dengan iltizam memberikan perkhidmatan cemerlang dan terbaik untuk merealisasikan aspirasi rakyat.

Menerusi kenyataan bersama pimpinan PAKATAN Selangor yang dipengerusikan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, mereka akan memberi fokus kepada gerak kerja pilihan raya dan memantapkan jentera PAKATAN, di seluruh negeri.

Gabungan itu juga bertekad meletakkan calon berwibawa, berintegriti dan komited untuk memberi khidmat kepada negeri serta rakyat.

"Kami yakin perpaduan pimpinan dan anggota PAKATAN Selangor akan melonjakkan sokongan rakyat untuk mengekalkan pentadbiran Kerajaan Negeri bagi meneruskan pembangunan ekonomi serta agenda peduli rakyat.

"PAKATAN Selangor yakin rakyat akan menggembeleng tenaga juga memberi sokongan padu demi membangun bangsa dan memakmur negeri," katanya.

Kenyataan itu turut disokong Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua; Pengerusi Parti Amanah Negara Selangor, Ir Izham Hashim dan Ketua Badan Pimpinan PPBM Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari.



## Bas Smart Selangor

# Sasar 20 juta pengguna

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mensasarkan 20 juta pengguna perkhidmatan Bas Smart Selangor, pada tahun ini, kata Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim.

Beliau optimis, jumlah itu mampu dicapai berdasarkan perkembangan positif peningkatan jumlah penumpang sejak diperkenalkan, pada 2015.

"Sasaran ini mampu dicapai memandangkan akan ada penambahan 33 bas Smart Selangor dengan tambahan laluan baru bakal dilancarkan, tahun ini.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan bilangan bas percuma di Selangor adalah 133," katanya kepada SelangorKini pada temubual eksklusif di pejabatnya, pada 10 April lalu.

**Sasaran ini mampu dicapai memandangkan akan ada penambahan 33 bas Smart Selangor dengan tambahan laluan baru bakal dilancarkan tahun ini**

**TENG CHANG KHIM**  
Exco Pengangkutan

Chang Khim berkata, jumlah pengguna perkhidmatan itu semakin bertambah memandangkan wujudnya pembaikan yang giat dilaksanakan, di peringkat Kerajaan Negeri.

Katanya, ini termasuk kemudahan perkhidmatan bas yang



**Kerajaan Negeri mula memperkenalkan inisiatif bas percuma di bawah penjenamaan Bas Selangorku, pada 2015**

menyediakan fasiliti wifi percuma, tambang percuma, kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan jaminan aspek keselamatan terbaik bagi pengguna

bandar serta luar bandar.

"Sehingga 31 Disember lalu, jumlah pengguna bas percuma mencecah 10 juta dan bagi dua bulan pertama tahun ini, ang-

kanya mencecah 2.3 juta.

"Perkembangan positif ini pastinya akan terus dikekalkan demi jaminan kelangsungan rakyat Selangor," katanya.

## MBI terima Anugerah Khas Abdul Rahman Auf

**SHAH ALAM** - Pengerusi Menterai Besar Selangor (MBI) menerima Anugerah Khas Abdul Rahman bin Auf daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) ekoran komitmen anak syarikat Kerajaan Negeri itu menunaikan zakat perniagaan termasuk menguruskan wakalah agihan, pada 2017.

Ketua Jabatan Tanggungjawab Sosial dan Korporat MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali berkata, pemerbadanan itu bukan sahaja membayar zakat secara konsisten, malahan turut menjalin kerjasama baik dengan bahagian agihan zakat LZS.

"Kita akan terus menyokong LZS memandangkan zakat salah satu daripada rukun Islam. MBI bukan sahaja mementingkan pertumbuhan duniawi kerana selaku entiti yang menjurus pelaburan tetapi mahu melabur, di akhirat juga.

"Kita turut berkempen dengan LZS untuk menerangkan kepada masyarakat berhubung kebaikan, keberkatan dan kesan yang diperolehi daripada pembayaran zakat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada SelangorKini pada Majlis Penghargaan LZS 2017, di Grand Bluewave Hotel, di sini, baru-baru ini.

Jaafarudin berkata, MBI turut mewajibkan kakitangannya yang beragama Islam membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji.



**Mohd Jaafarudin mewakili MBI menerima anugerah khas LZS atas komitmen menunaikan zakat**

Katanya, langkah itu diterima baik kakitangan Islam di MBI selepas diberikan penerangan berhubung kebaikan, keberkatan dan kesan yang diperolehi daripada pembayaran zakat.

"Pemotongan itu bukan banyak tetapi hanya 2.5 peratus daripada gaji tetapi keberkatan yang kita dapat terlalu banyak," katanya.

Sementara itu, pemenang anugerah khas lain adalah Universiti Putra Malaysia iaitu pe-

nolong amil Institusi Pengajian Tinggi LZS yang menerima Anugerah Muaz bin Jabal dan Mimos Berhad menerima Anugerah Umar Abdul Aziz.

Selain tiga anugerah khas, sebanyak 12 anugerah lain turut disampaikan kepada pemenang.

Anugerah disampaikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor, Dato' Bakhtiar Hussin.

## Perluas kemudahan bas elektrik

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bercadang menyediakan lebih banyak perkhidmatan bas elektrik percuma di bawah akses kemudahan Bas Smart Selangor, seluruh negeri.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, wujud keperluan penambahan jumlah bas percuma sedia ada kini.

"Buat masa ini, kita memang ada perancangan menambah jumlah bas elektrik sedia ada, namun terdapat masalah pembekalan untuk dibekalkan kepada pasaran, dalam jangka masa enam bulan ini.

"Namun, memang ada permintaan sangat tinggi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri tetapi Kerajaan Negeri perlu menanggungkan penambahan jumlah itu sehingga masalah pembekalan bas itu selesai," katanya.

Untuk rekod, antara PBT negeri yang menyediakan perkhidmatan bas elektrik di Selangor adalah Majlis Bandaraya Shah Alam.

Chang Khim berkata, perkhidmatan bas elektrik Smart Selangor

memperuntukkan perbelanjaan tinggi, berbanding kemudahan bas percuma sedia ada.

"Operasi perjalanan sebuah bas Smart Selangor sehari memperuntukkan perbelanjaan RM800 tetapi untuk perkhidmatan Bas Elektrik Smart Selangor, penambahan RM200 diperuntukkan bagi tujuan itu.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan operasi sebuah bas elektrik adalah RM1,000 dan diakui kosnya agak tinggi berbanding kemudahan bas percuma biasa," katanya.

Terdahulu, pengenalan perkhidmatan bas elektrik dilancarkan di Selangor sebagai inisiatif mengurangkan pembebasan karbon ke dalam ruang udara, negeri itu.

Pelaksanaannya sejajar matlamat Kerajaan Negeri untuk membudayakan penggunaan teknologi hijau dan rendah karbon.





Ean Yong ditemui ketika melancarkan Buku Membina Kehidupan Baru, cerita Kampung Tersusun di Selangor, pada 17 April lalu

Tingkat keselesaan penduduk

# Pembangunan kampung terus diberi perhatian

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pembangunan Kampung Baharu, Bagan dan Tersusun terus menerima perhatian Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan kemudahan asas bagi keselesaan penduduk, di kawasan terbabit.

Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, sejak 10 tahun PAKATAN memerintah, lebih 2,000 hak milikan tanah berjaya diserahkan kepada penduduk.

Katanya, walaupun penduduk kampung itu didominasi satu kaum sahaja, namun Kerajaan Negeri tetap prihatin kepada sebarang bentuk keperluan.

"Sejak 10 tahun lalu, pelbagai kemudahan infrastruktur asas disediakan Kerajaan Negeri menerusi peruntukan RM5 juta.

"Kita mengangkat martabat kampung ini, berbeza dengan pentadbiran terdahulu," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, Hian Wah berkata, Kerajaan Negeri memberi jaminan akan terus membantu meningkatkan kemudahan asas dan keperluan penduduk, di kampung itu.

Katanya, Kerajaan Negeri juga bakal mewujudkan pentadbiran erat bersama penduduk setempat.

Terdahulu, Kerajaan Negeri turut melancarkan Smart Desa Selangor yang diyakini memberdaya masyarakat luar bandar

terus berada dalam arus perdana pembangunan serta menikmati kemudahan dan mutu kehidupan setara kehidupan moden masyarakat bandar.

PLANMalaysia@Selangor berjaya menghasilkan Pelan Halatuju Strategik Desa Selangor 2035, iaitu dokumen perancangan spatial berhubung perancangan dan cadangan pembangunan desa.

Ia membabitkan 519 kampung kampung tradisi, kampung tersusun, kampung baru, kampung bagan dan kampung Orang Asal.

Ia adalah penegasan terhadap usaha menjana sumber pendapatan secara strategik, melaksanakan pembangunan berkualiti serta menyantuni rakyat melalui Inisiatif Peduli Rakyat.

## Membina Kehidupan Baru, cerita Kampung Tersusun Selangor

**SHAH ALAM** - Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah, melancarkan Buku Kampung Tersusun, hasil karya Tan Sue Suen bersama Vincy How, di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pada 17 April lalu.

Buku yang berkisarkan sejarah kehidupan 17 kampung tersusun di Selangor itu turut mencatatkan rekod masyarakat dan sejarah sejak akar umbi penubuhannya.

Beliau berkata, penghasilan buku terbabit adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri untuk berkongsi sejarah awal kampung tersusun dan menjalani transformasi membina kehidupan baru dalam arus perdana negara.

"Pendedahan berkenaan kampung tersusun amat penting khususnya kepada generasi muda untuk lebih mendalami sejarahnya melalui teks dan gambar.

"Ia sekali gus memberi peluang kepada mereka merasai usaha nenek moyang dan menghargai jasa dalam pembinaan rumah halaman.

"Lebih penting lagi, buku ini dapat memperingati semua bahawa kampung ini bukan sekadar tempat tinggal sahaja, mala-

**Pendedahan berkenaan kampung tersusun amat penting khususnya kepada generasi muda untuk lebih mendalami sejarahnya melalui teks dan gambar**

**EAN YONG HIAN WAH**

Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram

han menjadi aset bernilai untuk Selangor," katanya.

Hian Wah berkata, sebanyak 2,000 naskah diterbitkan dan proses mencari bahan serta maklumat daripada penduduk tempatan mengambil masa setahun.

"Kita akan mengedarkan buku ini di Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan warga akademik, di seluruh Selangor," katanya.

Setakat ini, terdapat 42 Kampung Baru, 19 Kampung Bagan dan 17 Kampung Tersusun, di negeri itu.



Membina Kehidupan Baru adalah buku ketiga dihasilkan selepas Kampung baru dan Kampung Bagan

## SPAN serbu tapak projek curi air terawat

**KEPONG** - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengesan dua sambungan bekalan air secara haram oleh kontraktor projek infrastruktur pengangkutan awam dalam serbuan mengejut, pada 16 April lalu.

Eksekutif Kanan Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Loh Pit Mui berkata, perkara itu dikesan selepas pihaknya menerima aduan daripada Pengurusan Air Selangor

Sdn Bhd (Air Selangor).

Katanya, tindakan penguat kuasa di tapak projek berhampiran Jinjang Utara itu dilakukan selepas pihaknya mendapat waran serbuan daripada mahkamah.

"Kita mendapati dua sambungan bekalan air secara haram menggunakan Paip HDPE berukuran 32mm dan 15mm dengan sambungan secara terus daripada paip utama Air Selangor, berhampiran lokasi

tapak pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Operasi Penguatkuasaan Kesambungan Haram, di Jalan Kepong, di sini.

Pit Mui berkata, hal itu masih dalam siasatan di bawah peruntukan Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Katanya, akta itu menegaskan tiada sesiapa selain pemegang lesen boleh membuat

sambungan ke saluran paip utama.

"Oleh itu, kita akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pihak kontraktor terbabit.

"Jika disabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi setahun atau keduanya sekali," katanya.

Pada masa sama, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pi-

haknya mengalami kerugian lebih RM200,000 bagi tempoh dua tahun ekoran penyambungan haram itu.

"Air Selangor menanggung kerugian kira-kira RM257,448 ekoran sikap tidak bertanggungjawab pihak yang mengambil kesempatan dengan menggunakan air tanpa kebenaran," katanya sambil menambah ia adalah kes ke-16 kecurian air secara haram, pada tahun ini.



Himpunan *Great Return March*

# Tuntut hak rakyat Palestin

OLEH HAZIQ ISMAIL

**AMPANG** - Masyarakat awam bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhimpun secara aman selepas solat Jumaat, di hadapan kedutaan Amerika Syarikat, di Jalan Tun Razak, di sini, pada 13 April lalu.

Perhimpunan *Great Return March* (GRM) anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) itu bagi menyerahkan memorandum menuntut hak rakyat Palestin pulang ke tempat asal tanpa dicerderakan tentera Israel.

Setiasaha MAPIM, Zulhanis Zainol berkata, kempen sama berlaku di Gaza setiap Jumaat selama tiga minggu dan seramai 33 rakyat Palestin terkorban kerana dizalimi tentera Israel.

"Kita menyahut seruan sama untuk bersolidariti dalam himpunan GRM bagi menyatakan keprihatinan rakyat Malaysia terhadap apa yang berlaku.

"Terdapat 45 NGO Malaysia dan enam dari Palestin turut hadir memberi sokongan terhadap kempen ini," katanya.

Zulhanis berkata, antara NGO terbabit ialah MyCare, Angkatan

Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan NGO dari Palestin antaranya Institute of Excellence for Islamic Jerusalem Studies (Iejs) serta The Union of NGOs of the Islamic World (UNIW).

Pada masa sama, katanya, MAPIM akan menganjurkan kempen 'Memperingati Nakbah Palestin ke-70', di lokasi sama, pada 11 Mei ini.

"Gerakan ini sebagai tanda solidariti untuk rakyat Palestin dan pembebasan negara itu daripada cengkaman Israel," katanya.

## Demam PRU14: AirAsia tawar tambang tetap

**SEPANG** - Syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia menawarkan kadar tambang tetap bagi semua laluan domestik sempena Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) tidak lama lagi.

AirAsia melalui kenyataannya berkata, tambang tetap bermula 8 hingga 9 Mei itu untuk menyokong rakyat negara ini mengundi, di kampung halaman masing-masing.



"Tambang sehalu ditetapkan pada RM99\* bagi penerbangan laluan Semenanjung Malaysia, laluan Semenanjung ke Sarawak pula RM129\*, manakala laluan Semenanjung ke Sabah ialah RM199\*.

"Pengundi dinasihatkan supaya tiba lebih awal di lapangan terbang bagi mengelakkan sebarang kesesakan, jangan lupa menggunakan perkhidmatan

daftar masuk awal melalui laman sesawang AirAsia.

"Penumpang boleh membuat pendaftaran seawal 14 hari sebelum penerbangan sehingga satu jam sebelum waktu berlepas dijadualkan," katanya.

Pada masa sama, AirAsia turut mengesyorkan penumpang yang mempunyai bagasi tiba lebih awal, sekali gus mempunyai masa mencukupi sebelum waktu berlepas.

"Kami mengucapkan selamat mengundi buat semua rakyat Malaysia untuk PRU14 akan datang," katanya.

## PRU14: Tiket bas ekspres masih dijual

**KUALA LUMPUR** - Jualan tiket bas ekspres ke utara dan selatan bagi perjalanan 7 hingga 11 Mei ini masih dibuka kepada warga kota yang ingin pulang mengundi, pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Yang Dipertua Persatuan Pengusaha Bas Ekspres Semenanjung, Tajuddin Mohd Yunus berkata, kira-kira 35,000 tiket disediakan setiap hari untuk tempoh berkenaan.

"Hanya tiket ke Kelantan dan Terengganu habis dijual serta bergantung kepada syarikat bas ekspres untuk menambah bilangan bas bagi perjalanan pulang mengundi," katanya kepada BERNAMA.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian bagi PRU14 pada 9 Mei ini dengan kera-

jaan mengisytiharkan hari itu sebagai kelepasan am tambahan bagi seluruh negara bagi memudahkan rakyat melaksanakan tanggungjawab mengundi.

Tajuddin bagaimanapun menasihati mereka yang masih belum membeli tiket supaya segera berbuat demikian dan tidak menunggu sehingga saat akhir.

Sementara itu, tinjauan BERNAMA di sekitar Kuala Lumpur Sentral mendapati tiket Perkhidmatan Keretapi Elektronik (ETS) bagi perjalanan 7 hingga 11 Mei ini sudah habis dijual.

Menurut jurucakap Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), tiket ETS dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan negeri utara habis dijual dalam masa dua jam selepas pengumuman hari pengundian oleh SPR.

## Turun GST bukan naikkan BR1M

**SHAH ALAM** - Lebih baik menurunkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berbanding menaikkan kadar pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), saran Pengarah Eksekutif Badan Pemikir Kajian Politik untuk Perubahan (KPRU), Ooi Heng.

Katanya, ia menunjukkan Barisan Nasional (BN) tidak beminat membantu meringankan beban rakyat.

"Hal ini kerana kerajaan BN tidak memberi jaminan kadar GST akan kekal pada enam peratus dalam manifesto mereka. Jika GST naik, bukan sahaja BR1M tidak dapat membantu meringankan tetapi membebaskan lagi kehidupan rakyat.

"Umum sudah sedia maklum GST juga antara penyebab utama kepada peningkatan kos sara hidup," katanya dalam kenyataan.

Heng berkata, hasil kutipan GST pada 2017 adalah RM44 bilion, manakala peruntukan permohonan BR1M diluluskan bagi 2018 adalah RM6.12 bilion.

"Daripada itu, KPRU mendapati peruntukan pemberian BR1M sahaja adalah 13.9 peratus hasil kutipan GST, maka tiada masalah ia dikembalikan dengan pemberian BR1M.

"Akan tetapi kita sendiri tahu, pemberian BR1M hanya membabitkan golongan tertentu sahaja. Mengapa kerajaan BN tidak mengurangkan kadar GST yang lebih memanfaatkan semua?" katanya.

Katanya, kenaikan harga minyak antarabangsa iaitu AS\$69

**Hal ini kerana kerajaan BN tidak memberi jaminan kadar GST akan kekal pada enam peratus dalam manifesto mereka. Jika GST naik, bukan sahaja BR1M tidak dapat membantu meringankan tetapi membebaskan lagi kehidupan rakyat**

**OOI HENG**  
Pengarah Eksekutif KPRU

setong berbanding andaian AS\$59 setong ketika pembentangan bajet sebelum ini yang menunjukkan Kerajaan Persekutuan mendapat lebih sumber pendapatan.

"Memandangkan sumber pendapatan daripada petroleum meningkat, GST yang menyumbang kepada sumber pendapatan negara seharusnya dikurangkan bagi meringankan beban rakyat.

"KPRU berpendapat, agak pelik bila kerajaan BN cuba membantu menangani kos sara hidup dengan menambahkan kadar BR1M bukannya mengurangkan GST yang memberi impak besar kepada kehidupan rakyat, sejak pelaksanaannya," katanya.







Selangor International Business Summit (SIBS)

# Invest Selangor giat promosi

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Agensi penggerak pelaburan negeri, Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) giat meneruskan gerak kerja bagi mempromosikan Selangor International Business Summit (SIBS) 2018 ke negara Asean.

Menerusinya, delegasi diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Dato' Hasan Azhari Idris mengadakan lawatan ke beberapa negara antaranya Vietnam, Laos dan Cambodia, ketika ini.

SIBS 2018 bakal diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), Kuala Lumpur, pada 6 hingga 16 September ini.

Hasan Azhari berkata, SIBS mampu menjadi landasan strategik untuk pemasaran, kerjasama dan perkongsian serta maklumat berkenaan perkembangan teknologi terkini, di seluruh dunia.

"Sebagai pintu masuk ASEAN dan Hab Perdagangan Global, Selangor adalah titik pusat penting bagi perniagaan domestik dan antarabangsa yang ingin membina atau mengukuhkan kehadiran mereka di ASEAN.

"Bagaimana kami berusaha ke



Invest Selangor terus giat mempromosikan SIBS ke seluruh negara bagi memastikan kejayaan penganjurannya, pada 6 hingga 16 September ini

arah mencapai visi ini dengan SIBS mewujudkan landasan untuk syarikat multinasional tempatan dan asing serta perusahaan kecil juga sederhana, mempamerkan produk selain perkhidmatan mereka," katanya.

Tahun lalu, SIBS mencatatkan

22,071 pelawat, sekali gus menjana transaksi sebanyak RM204.2 juta.

"Ini pencapaian besar bukan hanya untuk Selangor tetapi Malaysia secara keseluruhannya.

"Kami akan menggandakan usaha pada tahun ini dan menyasar untuk mencapai 25,000 pengun-

jung dengan nilai transaksi RM250 juta," katanya.

Agensi Kerajaan Negeri itu akan memberi tumpuan kepada sektor makanan dan minuman untuk acara akan datang termasuk produk serta perkhidmatan halal, teknologi makanan, sains makanan serta

perkhidmatan makanan.

Sembilan organisasi sokongan berjanji menjadi sebahagian daripada sidang kemuncak, termasuk Persekutuan Pengilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia dan Persatuan Rangkaian Malaysia.

## MIHAS 2018: Lebih 30 syarikat tersenarai dalam kod QR

**KUALA LUMPUR** - Lebih 30 syarikat tersenarai dalam kod QR yang dilaksanakan Invest Selangor Berhad ketika program Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2018 (MIHAS 2018), pada 5 April lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, ia bertujuan memudahkan orang ramai yang berkunjung ke pameran itu mendapatkan maklumat lanjut berkenaan syarikat terbabit, di bawah Invest Selangor.

"Orang ramai yang hadir boleh mengimbas kod QR yang disediakan jika mahu mendapatkan pelbagai maklumat.

"Tidak semua syarikat berkenaan ada di pameran ini, justeru kod QR dicipta bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat lebih pantas," katanya.

MIHAS yang dikenali sebagai pameran perdagangan halal terbesar dunia memasuki edisi ke-15, berlangsung selama empat hari bermula 4 hingga 7 April lalu.

Pertama kali diadakan pada 2004, MIHAS berkembang menjadi acara perdagangan khusus



Hasan Azhari (dua dari kanan) bersama Exco Kerajaan Negeri, Amirudin Shari (dua dari kiri) melawat gerai pameran Made In Selangor MIHAS 2018, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), di sini

tahunan yang amat dinantikan dalam industri halal seluruh dunia selain melonjakkan Malaysia sebagai hab global bagi ekonomi Islam.

Menarik penyertaan lebih

1,000 peserta pameran daripada lebih 40 negara pada tahun ini, MIHAS mendapat perhatian dunia dan menjadikannya landasan untuk perdagangan halal global.

## Tunku Shazuddin Ariff pengerusi baru Naza Italia

**SHAH ALAM** - Anak syarikat Naza Corporation Holdings, Naza Italia Sdn Bhd mengumumkan pelantikan Datuk Tunku Shazuddin Ariff Ibni Sultan Sallehuddin sebagai pengerusinya yang baharu.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holdings, SM Nasaruddin SM Nasimuddin berkata, kepakaran dimiliki Tunku Shazuddin mampu memberi nilai tambah dan amalan tadbir urus korporat baik kepada Naza Italia.

"Kami yakin Tunku Shazuddin akan memberikan kepimpinan berkesan untuk memacu Naza Italia ke arah mencapai kejayaan jangka panjang dan memberikan nilai mampan kepada Kumpulan Automotif.

"Tunku Shazuddin akan menjadi penasihat utama berhubung hala tuju strategik bagi memacu Naza Italia sebagai pengedar rasmi Ferrari dan Maserati di Malaysia selain terus menjadi pengedar utama, di Asia Tenggara," katanya memetik laporan BH Online.

Tunku Shazuddin mempunyai latar belakang kejayaan dan pengalaman dalam sektor awam serta swasta selepas berkhidmat dengan syarikat tempatan juga

antarabangsa.

Pada 2005, beliau menubuhkan agensi korporatnya yang menerajui pelantikan baginda sebagai pemegang saham utama bagi Rethink Sdn Bhd dan Reka 3 Sdn Bhd.

Tunku Shazuddin juga menawarkan perkhidmatan perundingan kepada pelbagai jabatan kerajaan menerusi pengambilalihan teknologi dan pembiayaan baru untuk aktiviti pertanian serta pelancongan, selain memberikan pandangan juga nasihat sebagai Ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat.

Ketika ini, Tunku Shazuddin berkhidmat sebagai Pengarah Seri Libana Sdn Bhd dan Pengerusi Eksekutif Berjaya Food Bhd serta berkelulusan dari Kansas Wesleyan University.

Sementara itu, Groupe PSA, rakan usaha sama Naza Corporation Holdings turut mengumumkan pelantikan Laurence Noël sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Naza Automotive Manufacturing (NAM).

Selain memegang jawatan CEO, Laurence Noël juga dilantik sebagai Naib Presiden Kanan Groupe PSA bagi ASEAN berkuatkuasa, pada 1 Mei ini




# RUMAH TERES 2 TINGKAT

## 18' x 60'

### PELANCARAN RASMI

Tarikh : 21 April 2018  
 Masa : 9.00 pg. - 4.00 ptg.  
 Tempat : Rasa Avenue, Hulu Selangor



Harga daripada  
**RM200,000**

Daerah: HULU SELANGOR | Mukim: BATANG KALI

**DAFTAR SEGERA!** [ehartanah.lphs.gov.my](http://ehartanah.lphs.gov.my)

017 380 9037 • 011 1429 3079 • 013 939 0310 • 013 342 1098 • 019 303 4342 • 013 323 2158 • 016 251 0113

54 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasi Impian



WINNER OF THE PRESTIGIOUS  
 BCI ASIA TOP 10 PROPERTY  
 DEVELOPERS AWARD  
 2 YEARS RUNNING



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Blok B, Tingkat 3, Ibu Pejabat PKNS, No. 2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor | Tel. no : 03-5525 0300

No. lesen pemaju: 9062-104/02-2020/0176(L). Tarikh sah: 16/02/2018-15/02/2020. No.permit iklan & jualan: 9062-104/02-2020/0176(P). Tarikh sah: 16/02/2018-15/02/2020. Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor. No. kelulusan pelan: (15) d/m.MDHS.431/08/H/17/002-B Bertarikh: 08 Jun 2017. Status hakmilik: Pajak selama 99 Tahun, Tempoh berakhir pada 1 September 2092. Bebanan tanah: Tiada. Tarikh jangka siap: 10 Februari 2019. Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat. Bilangan unit: 66 Harga minima: RM 200,000. Maksima: RM245, 400. Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi hakmilik tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri. Iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negara.

[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)



Belia Selangor Pacu  
Pembangunan Negeri  
GILAP  
KEGEMILANGAN  
NEGARA  
@mediaselangor



# 7 LANGKAH PENGUNDIAN



**PENGUNDI DIMINTA BERATUR DI PINTU MASUK BILIK MENGUNDI**

**1**

Sila masuk apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal di pintu masuk

**2**

Serahkan MyKad/ Dokumen Pengenalan dan slip semakan kepada Kerani Pengundian Pertama. Tunjukkan tangan untuk diperiksa dan tiada calitan dakwat kekal pada jari

**3**

Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua. Letakkan tangan di atas pad dakwat kekal untuk calitan jari dan tunggu nama anda dipanggil

**4**

Selepas jari ditandakan dakwat kekal dan sebelum kertas undi dikeluarkan, Kerani Pengundian Pertama akan membuat tanda pada nombor dan nama anda dalam buku daftar pemilih. Dapatkan kertas undi daripada Kerani Pengundian Ketiga

**5**

Maju ke petak undi dan tandakan X pada ruang calon dalam kertas undi anda. Pilih satu calon sahaja

**KERANI PENGUNDIAN**

**EJEN TEMPAT MENGUNDI**

**SEMUA PROSES PENGUNDIAN DIPERHATIKAN OLEH EJEN-EJEN CALON YANG BERTUGAS**

**6**

Masukkan kertas undi ke dalam peti undi masing-masing untuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen

**7**

Keluar segera dari Tempat Mengundi

**KETUA TEMPAT MENGUNDI**

**SEKIRANYA ADA PERTANYAAN ATAU MEMERLUKAN BANTUAN, SILA RUKUK KEPADA KETUA TEMPAT MENGUNDI**



Informasi  
Terkini  
di jari anda



MUAT TURUN  
PERCUMA  
APLIKASI

Selaras keperluan sebagai negeri pintar menjelang 2025

# Peneraju perkhidmatan Tram *Smart State* pertama

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**K**ERAJAAN Negeri bakal memperkenalkan perkhidmatan Tram *Smart State* pertama di negara ini selaras keperluan menjadikan Selangor sebagai negeri pintar, menjelang 2025.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan, Industri Kecil Sederhana dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, komitmen itu dilaksanakan berdasarkan keperluan penambahan jaringan pengangkutan awam, di negeri itu.

Walaupun pelaksanaannya masih berada pada peringkat fasa perancangan awal, namun beliau optimis inisiatif itu dapat dilaksanakan secara kompetitif demi kelangsungan masyarakat seluruh negeri.

Bagaimanapun, katanya, tumpuan ke arah merealisasikan hasrat itu perlu dijayakan secara efektif bagi memastikan masyarakat menerima manfaat daripada pelaksanaan dasar itu.

"Kita masih dalam peringkat perancangan awal. Namun, proses pengenalan *business model* sedang dibuat bagi memperkenalkan perkhidmatan bas bersambung (tram) ini secara meluas kepada umum.

"Tram ini digunakan sebagai jaringan pengangkutan seperti bas tetapi disertakan dengan kemudahan dua atau empat gerabak yang bakal menghubungkan jalann utama, di kawasan bandar," katanya pada temubual eksklusif bersama SelangorKini, di pejabatnya, baru-baru ini.

## Seiring agenda *Smart State*

Idea pelaksanaan dasar pengangkutan baru itu tercetus menerusi siri kunjungan delegasi Kerajaan Selangor yang diketuai Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, ke China dan Jepun, baru-baru ini.

Intipati siri kunjungan itu turut mempelajari prospek pengangkutan dua negara terbabit yang dilihat lebih dominan

dan bersifat mesra pengguna.

Chang Khim berkata, keberkesanan pelaksanaan itu membuktikan dasar *Smart State* yang menjadi iltizam kepada pentadbiran Selangor mampu direalisasikan secara efektif.

"Selepas sesi pembentangan dibuat pembekal baru-baru ini, maka saya amat berpuas hati terhadap idea untuk menyediakan perkhidmatan ini, di Selangor.

"Walaupun perkhidmatan ini tidak disediakan secara percuma seperti perkhidmatan Bas Smart Selangor, tetapi kita akan pastikan pelaksanaannya adalah relevan.

"Ini termasuk cadangan untuk dikenakan kadar tambang berpatutan dan menarik untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan awam berbanding persendirian," katanya.

## Sedia perkhidmatan tahun ini

Chang Khim berkata, walaupun masih di peringkat perancangan, beliau mengharapkan perkhidmatan itu dapat disediakan sekurang-kurangnya dalam tempoh berakhir, tahun ini.

Jika ia dapat direalisasikan, katanya, maka faktor itu sekali gus mendorong kepada penyediaan pengangkutan moden yang diperkenalkan pentadbiran Selangor.

"Ini adalah perkhidmatan paling moden dan baru di pasaran terutama di Malaysia memandangkan belum ada pelaksanaannya, di peringkat Persekutuan atau negeri lain.

"Di Selangor, peringkat penghasilan model sudah disiapkan dan kita sedang dalam proses pelaksanaan dasar untuk menentukan sebarang subsidi baru diperkenalkan jika wujud keperluan itu," katanya.

## Tram Moden untuk rakyat

Sementara itu, menerusi semakan SelangorKini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pernah mencadang-

kan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina sistem perkhidmatan tram moden, di Putrajaya.

Cadangan itu turut menamakan pembinaannya di kawasan pentadbiran Kerajaan Selangor termasuk Cyberjaya, Kajang dan Bangi.

Bagaimanapun, belum ada sebarang lanjutan proses pelaksanaannya di peringkat Putrajaya diteruskan, sehingga kini.

SPAD, menerusi Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Azharuddin Mat Sah berkata, cadangan itu dinyatakan berdasarkan kajian kebolehlaksanaan untuk membuka permohonan cadangan (RFP).

Katanya, tumpuan itu terarah kepada inisiatif bagi membentangkan projek dan model tram yang bersesuaian di negara ini, lapor Utusan Online.

"Kita melihat kawasan seperti Putrajaya, Cyberjaya, Kajang dan Bangi mempunyai jalan yang agak luas.

"Jadi, ciri ini boleh digunakan un-

tuk membina sistem tram yang ternyata membolehkan kos efektif iaitu 15 peratus lebih murah berbanding membina monorel," katanya.

## Jaringan reformasi pengangkutan negeri

Di peringkat Kerajaan Negeri, jika idea baru itu mampu direalisasikan, maka Selangor akan terus maju selangkah lagi berbanding negeri lain dalam usaha meningkatkan jaringan reformasi pengangkutan negeri.

Komitmen itu pastinya bakal meletakkan Selangor sebagai pemacu kepada agenda pembangunan negeri pintar, di rantau ini.

Tidak mustahil, keberkesannya juga membolehkan Selangor menjadi negeri terulung di rantau ASEAN yang peduli rakyat dan dilandasi dengan penggunaan teknologi terkini.



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID PUTRA HEIGHTS SUBANG JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN  JKR/SEL/(N)007 (T)/2018	Bumiputera T1	PPK, SPKK, STB & UPEN  Gred: G7/G6/G5/G4  Kategori: ME  Pengkhususan: E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  19/04/2018 (Khamis)  Sehingga 03/05/2018 (Khamis)	RM250.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  (Bayaran tidak akan dikembalikan)  Atas Nama Bendahari Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Selangor, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  Pada: 10/05/2018 (Khamis)  Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. (Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan)

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi di Bahagian Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55455833 – sbtn 4141

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam siji PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan siji-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

\*Jenis Pendaftaran: T1 - Syarikat 100% milik tempatan  
A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.  
A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.






Oleh **ROSLAN JOMEL**

**S**aya ditanya oleh teman penulis, ada apa dengan sastera Sarawak sekarang? Ribut dan spekulasi diperkata dari belakang. Herot sana herot sini. Pelbagai berita negatif sastera Sarawak sampai ke Semenanjung. Isu penganugerahan Sasterawan Negeri dan hal-hal lain bersangkutan-paut dengan ketulusan sikap para pengarang itu sendiri. Adakah wujud sikap kronisme dalam sastera Sarawak? Mustahil.

Itu belum termasuk teks sastera Sarawak yang statik dengan tema seperti Bujang Senang, pembalakan, penindasan terhadap etnik di kawasan terpencil dan ritual kepercayaan sesuatu kaum. Kononnya unik dan berbeza daripada di Semenanjung. Sebegitu sempitkah cakrawala sasterawan Sarawak? Saya berasa rimas dengan perspektif lapuk itu. Ada kelompangan besar di situ. Bilangan penulis semakin bertambah. Bagaimana dengan (kualiti) pengkritik sastera?

Melati Sarawak tulisan Muhamad Rakawi Yusuf dikatakan antara novel realisme terawal pengarang Sarawak. Terbitan tahun 1930-an. Bahkan disahkan karya tulen berbahasa Melayu tanpa unsur saduran oleh pengkaji sastera. Luar biasa. Novel beraliran realisme itu barangkali paling radikal menyorot aktiviti budaya komuniti Melayu di Kuching iaitu bermukun dan nopeng. Novel tulisan pemuda terpelajar yang nantinya menerbitkan akhbar Fajar Sarawak. Nama sasterawan warga Kuching itu dikenang sebagai pencetus obor intelektual kepada pengarang-pengarang seterusnya.

Sekarang 2018, alangkah aneh sastera Sarawak masih disinonimkan dengan tema-tema yang sudah ditulis pada era mesin taip. Lebih mendukacitakan pembentang kertas kerja dalam seminar



sastera kebangsaan dilekati nostalgia dengan merincikan hal-hal yang tampak eksotik dalam kajian mereka. Takrifan sastera lebih luas dan ruwet daripada persoalan-persoalan domestik kaum, etnik dan adat resam sesebuah negeri. Tidakkah peneliti sastera kebangsaan sedar betapa aliran gelombang baharu penulisan sastera Sarawak kontemporari telah mematah persepsi klise tentang sastera Sarawak? Sampai bila sastera Sarawak dirujuk dengan identiti sebegitu? Seolah-olah tiada pencapaian teknik penulisan di Sarawak.

Saya tidak percaya karya sastera wajib ditulis dengan tema-tema besar. Kualiti penulisan melepasi takrifan bentuk dan mesej. Mengikuti perkembangan sasterawan Sarawak generasi baharu, jelas mereka tidak lagi terkurung dengan naratif pengarang-pengarang sebelumnya. Kemunculan mereka menganalisis isu-isu kompleks dalam kehidupan semasa. Mereka mencipta dunia dan imaginasi dalam karya. Barisan penulis generasi baharu Sarawak tidak lagi terbeban mengangkut polemik pertembungan adat, budaya dan tradisi atas bahu mereka. Kehadiran penulis generasi baharu Sarawak yang bukan datang dari fundamental sastera, bakal menulis dengan canggih untuk membuktikan kredibiliti sastera mereka merentasi zaman.

Nama besar sasterawan Sarawak yang dipimpin oleh Awangku Merali Pangeran Mohamed menyelitkan pertukangan pascamoden dalam naratif melalui cerpen-cerpennya. Tidak dapat disangkal, Awangku Merali Pangeran Mohamed meninggalkan aras standard penulisan cerpen di Sarawak dengan menggabungkan teknik naratif yang lebih moden, realis, padat dan tidak lagi dilapisi dekorasi bahasa. Kerja seni Awangku Merali Pangeran Mohamed yang terhimpun dalam buku kumpulan cerpennya, Cerita dari Sebuah Taman (DBP; 2001) dianggap komprehensif untuk mewakili intrik dalaman antara kaum peribumi dengan penceroboh yang memanipulasi setiap ceruk. Krisis warisan keluarga, nepotisme perniagaan, kebencian peribumi terhadap

kolonial, psikologi mantan nasionalis dan pemimpin negara dinyanyukkan kuasa, dibentangkan satu persatu dalam cerita yang ditulis dengan laras bahasa tinggi. Sayangnya sasterawan perfectionist Sarawak itu tidak lagi produktif berkarya.

Apakah persoalan yang disentuh oleh penulis-penulis Sarawak terkemudian? Apakah karya-karya mereka belum layak dibicarakan dalam majlis sastera? Amatlah pelik melihat para pengkaji sastera dan pengkritik sastera seperti tenggelam dalam khayalan kegemilangan silam. Tidakkah pembentang makalah berasa malu kerana kerap mengagung-agungkan barisan pengarang terdahulu pada setiap kali seminar sastera dilangsungkan? Sebagai peminat sastera, saya bertanya-tanya, apakah barisan penulis silam itu masih relevan lagi dengan gelombang penulisan baharu? Apakah mereka masih konsisten menyumbangkan idea dan pandangan tentang pergolakan dunia masa kini dalam bentuk esei atau karya sastera?

Para penulis generasi baharu Sarawak perlukan sentuhan kritikan dan respons yang jujur dan ilmiah. Sebaliknya ia masih belum dinilai secara mendalam. Pujian melulu hanyalah racun kepada sasterawan. Apakah cukup dengan membuka ruang menulis dan mengiktiraf bakat kreatif melalui hadiah tahunan? Saya berharap penulis-penulis generasi baharu berfikir lebih jauh ke hadapan. Mentaliti mereka perlu dikemas kini seiring dengan aliran informasi tentang sastera dunia. Sastera Sarawak tidak bakal berkembang andai diparasitkan oleh tarikan populariti, ego setempat, hadiah dan melenakan diri dengan glorifikasi silam. Inilah masa para penulis baharu mengambil tempat yang dibiarkan berlumut oleh penulis-penulis sebelumnya dengan meneroka tema dan sudut baharu dengan peranti moden.

Atmosfera para pengarang Sarawak bervariasi. Misalnya Abizai berkhidmat di sektor perbankan, Lokman Hakim dengan latar belakang kejuruteraan, Frankie Latit dalam urusan perubatan, Karl Agan seni man serba boleh dan beberapa lagi penulis muda berbakat. Milieu diserapkan

**Saya tidak percaya karya sastera wajib ditulis dengan tema-tema besar. Kualiti penulisan melepasi takrifan bentuk dan mesej. Mengikuti perkembangan sasterawan Sarawak generasi baharu, jelas mereka tidak lagi terkurung dengan naratif pengarang-pengarang sebelumnya. Kemunculan mereka menganalisis isu-isu kompleks dalam kehidupan semasa. Mereka mencipta dunia dan imaginasi dalam karya.**

## Sampul Surat

Janji berupa sampul kosong telah menjadi lumrah dijual-beli.

Usah kautuding jari hitammu pada politikus. Kau sendiri mengirimi sampul kosong pada isteri untuk pulang sebelum santap malam.

Seperti penyair ada politikus berbakat ada yang usaha kuat – mereka bentuk sampul surat pelbagai konsep dan pendekatan pelbagai warna dan hiasan hakikatnya, kosong jualan.

Seorang anak milenium baru habis sekolah dalam kepalanya ada kereta terbang kolej percuma, hidup mewah membuka satu sampul suratmu menanggung kecewa renyuk harapannya.

Aku tak ingin lagi menipumu kutulis puisi ini – barangkali

Shafiq Said

dalam naratif mereka melangkaui masa depan. Tingkap sastera mereka dibuka dengan luas, kosmopolitan dan lebih bersifat individual. Sastera sama rumitnya dengan fabrik kemanusiaan. Pengkaryaan eksperimental sasterawan generasi baharu adalah suatu ekspresi penentangan. Begitulah caranya mencabar stereotaip sastera sebelumnya.

Maka, pengkritik sastera wajar menerima kerja penulisan mereka yang menerobos sempadan kreativiti. Robohkan persepsi dahulu. Landskap persuratan Sarawak tidak sesempit tanggapan sarjana sastera Malaysia atau pembentang makalah yang khuatirkan status quo mereka. Jernihkan jiwa. Sebagaimana kata Saut Situmorang, kita menolak politik kekuasaan demi kepentingan ideologi yang dijadikan alasan mengetepikan kualiti penulisan.



OLEH NAZLI IBRAHIM

Suatu pagi Jumaat yang cerah, 17 Ogos 2018 - di sebuah rumah kos rendah, sang suami menghirup kopi panasnya perlahan.

Matanya merenung jauh ke luar tingkap mengenangkan liku kehidupan di kota yang serba mencabar.

Fikirannya melayang, mengingatkan peristiwa malam tadi. Anak bongsunya demam, sejak petang semalam. Tanpa banyak soal, bergegas dia membawa anaknya ke klinik berhampiran.

Sang suami menarik nafas lega. Tatkala wang di tangan berbaki cukup-cukup makan sebelum menjelang gaji, mujur kerajaan baru yang ada menyediakan Skim Peduli Sihat untuk keluarga kurang berkemampuan sepertinya.

"Untunglah orang Selangor, sudahlah dapat Skim Peduli Sihat Selangor, dapat pula Peduli Sihat Kerajaan Pusat lagi," getus hatinya.

Fikirannya menerawang kembali, kali ini pada kejadian suatu malam kira-kira dua tahun lalu apabila anaknya diserang demam panas.

Pada masa itu sang suami tiada pilihan lain, mahu tak mahu dia bersama isteri dan anaknya menunggang motosikal bertiga sejauh lebih 30 kilometer meredah kedingin malam untuk ke hospital.

Sang suami bukan tidak mahu membawa anaknya itu ke klinik swasta berdekatan tetapi malangnya wang di tangan pada masa itu tidak mencukupi.

### KWSP untuk hari tua

Lamunannya terhenti. Isterinya sejak tadi sibuk di dapur tiba-tiba menyapanya.

"Bang tengok ini, slip KWSP Ida," kata isterinya menunjukkan slip caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dimasukkan semalam dengan wajah ceria.

Sejak awal lagi, isterinya itu cukup teruja dengan pengumuman pelaksanaan skim caruman untuk suri rumah.

"Campur dengan KWSP abang, boleh juga buat tambah-tambah untuk hari tua kita bang," kata isterinya selepas mendengar pengumuman Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di Berita Perdana RTM 1 lebih sebulan lalu.

Sang suami terbayang pula saat dia membawa keluarganya berbelanja barangan keperluan rumah di pasar raya, bebe-rapa hari lalu.

Dia menarik nafas lega apabila barangan yang dibayarinya tidak lagi dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Walaupun sang suami tidak berpendidikan tinggi seperti anaknya tetapi dia tidak bodoh.

Dia tahu, langkah memansuhkan GST itu bukan sahaja bermakna dia tidak lagi dikenakan cukai membebaskan itu, malahan sesetengah barangan keperluan juga menjadi lebih murah.

Sang suami dapat merasakan perbezaannya. Bagi keluarga sepertinya dengan pendapatan tidak seberapa ini, perbezaan itu sangat bermakna.

### Hutang FELDA abah dilupuskan

Malam tadi, abah menghubungi dia. Masih terngiang-ngiang di telinganya

## Manifesto PAKATAN jadi realiti

# Sinar baharu gemilang hari ke-100



abah tak putus-putus mengucapkan rasa bersyukur.

"Abah dapat surat FELDA, syukur alhamdulillah, abah dah tak payah lagi bayar hutang RM100,000 tu," kata abah dengan suara yang tersekat-sekat.

Terbayang di matanya, abah memerah kudrat tuanya dibantu abangnya untuk menyara hidup dan membayar hutang Felda.

Namun, mujurlah sang suami bersama adik beradiknya yang lain sama-sama membantu menyara abah, emak, abang dan keluarganya.

Kalau tidak, dengan pendapatan yang cuma berbaki beberapa ratus sahaja selepas dipotong bayaran hutang, tak tahulah bagaimana mereka boleh meneruskan hidup.

Tiba-tiba muncul anak sulungnya yang enam bulan lalu menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda universiti tempatan dan baru sahaja mendapat pekerjaan sebulan lalu.

Sebelum keluar, si anak bersalaman dan mencium tangannya lalu mencapai surat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang sampai, semalam.

Si anak sudah tidak sabar menunjukkan surat itu kepada rakan sepengajiannya bahawa dia dapat penangguhan pembayaran pinjaman PTPTN sehingga pendapatannya mencecah RM4,000.

Jam di tangan sudah menunjukkan jam 8.15 pagi. Sang suami mencapai kunci kereta lalu mengucup dahi si isteri dan anak bongsunya sebelum berlalu pergi.

Sejak anak sulungnya sudah bekerja, sang bapa tidak lagi menunggang motosikal ke tempat kerja kerana motosikalnya itu dihadiahkan kepada si anak untuk kegunaan ke tempat kerja.

Sebaik sang suami memasuki kereta yang dibelinya hampir setahun lalu di sebuah kedai kereta terpakai, dia mengering ke arah jarum tolok minyak keretanya.

"Masih ada separuh tangki lagi," Bisik hatinya. Kini, sang suami agak lega kerana harga petrol tidak lagi semahal dahulu apabila kerajaan memperkenalkan subsidi petrol bersasar.

Dia menghidupkan enjin keretanya. Dia

melemparkan pandangan ke luar. Di jendela rumahnya, isteri dan anak bongsunya sedang melambai-lambaikan tangan kepadanya.

Sang suami membalas lambaian mereka sambil meleretkan satu senyuman yang sangat panjang.

Kini, sang suami sangat yakin dia tidak silap. Pilihan yang dibuatnya 100 hari lalu sememangnya keputusan yang tepat.

"Terima kasih rakyat Malaysia kerana bersama-sama membuat keputusan ini," kata hatinya lagi.

Keretanya menderu membelah pagi yang cerah, secerah masa hadapan anak dan cucunya...

## KENYATAAN TENDER



**PKNS**  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
Tajuk Projek <b>MEMBINA DAN MENYIAPKAN 14 UNIT RUMAH LINK 2 TINGKAT (24' X 65') FASA 1C, YANG MENGANUNGI 4 UNIT JENIS A3, 4 UNIT JENIS A4, 3 UNIT JENIS B1 DAN 3 UNIT JENIS B2 DI ATAS LOT 181 (PM 6406), SEKSYEN 2, KOTA PUTERI, BANDAR BATU ARANG, MUKIM RAWANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.</b>	CIDB : Gred G5  Kategori B Pengkhususan B04  Kategori CE Pengkhususan CE21  SERTA  Kategori ME Pengkhususan E11 (Sekiranya Ada)	Bahagian Perolehan Tingkat 3, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik, Shah Alam.  Pada : 23 APRIL 2018 Hingga 4 MEI 2018  Jam: 9.00 Pagi - 4.00 Petang	15 MEI 2018 Jam 12.00 Tengahari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008)
- Amalan kerja yang berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007)
- Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. **SATU TAKLIMAT** bagi tender ini akan diadakan pada 20 APRIL 2018 (JUMAAT) jam 10.30 PAGI bertempat di BELLADONA 1&2, TINGKAT 4, BLOK B, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR. Kehadiran adalah DIWAJIBKAN, hanya kontraktor yang hadir sahaja layak membeli tender.  
\*\* Wakil Syarikat perlulah dari kalangan yang berkelayakan seperti Pengurus Projek, Jurutera, Juruukur Bahan dan Yang Berkenaan.

3. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM689.00 (Termasuk GST 6%) dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 23 APRIL 2018.

5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK) SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA dan WAJIB membawa SATU SALINAN bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 3, KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM,  
PERSIARAN TASIK, 40505 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03-5525 0300

<http://etender.pkns.gov.my>

7. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.





OLEH NORHAYATI UMOR

MBPJ lancar aplikasi KAPITA

# Mudah kesan lokasi kendera saji

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan aplikasi pengurusan Smart Trak (KAPITA) bagi memberi maklumat kepada masyarakat berkenaan lokasi perniagaan, di bawah seliaan MBPJ.

Datuk Bandarnya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, ketika ini kendera saji adalah trend yang berkembang seiring e-Commerce sebagai medium pemasaran, sekali gus menjadikannya popular dan mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat.

Katanya, sebanyak 25 lokasi Smart Trak dan usahawan terbabit beroperasi seawal jam 6 pagi hingga jam 2 pagi keesokannya.

"Perniagaan kendera saji adalah perkembangan baru yang menarik perhatian awam dan menjadi pilihan usahawan. Konsep Mobiliti ini memberi kemudahan kepada usahawan untuk bergerak ke lokasi tumpuan.

"Hal ini menjadikan Petaling Jaya sebagai destinasi tumpuan orang ramai dan merencanakan lagi usaha membangun serta memberdaya usahawan kendera saji, di Petaling Jaya," katanya pada Majlis Perasmian Sahabat

Trak dan Pelancaran KAPITA, di sini, baru-baru ini.

Pada program itu, MBPJ turut melancarkan Sahabat Smart Trak yang menjalin kerjasama dengan pengusaha kendera saji.

"Diharap, pengusaha ini dapat mematuhi segala peraturan ditetapkan dan memberi kerjasama baik untuk meningkatkan lagi konsep perniagaan trak ini.

"MBPJ tidak akan berkompromi dalam perkara yang ditetapkan," katanya.

Tahun lalu, Selangor menjadi negeri pertama melancarkan garis panduan trak bergerak untuk rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi memupuk kesedaran lebih tinggi berkenaan budaya kebersihan dalam kalangan peniaga, penyediaan dan sistem pelupusan betul serta sampah minimum.



Mohd Azizi (dua dari kanan) melancarkan aplikasi KAPITA yang memudahkan masyarakat berkenaan lokasi kendera saji, di Petaling Jaya

## RM11.2 juta lupus sisa domestik dan pembersihan awam

**SETIA ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperuntukkan kira-kira RM11.2 juta bagi pelupusan sisa domestik dan pembersihan awam, sepanjang 2017.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, ia membuktikan komitmen berterusan MBSA ke arah melestarikan pengurusan sisa domestik dan kebersihan bandar sifar sampah.

"Setiap tahun memang ada peruntukan untuk tujuan ini, malahan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal antara yang tertinggi menerima biaya berkenaan.

"Pada masa sama, kami amat memberi tumpuan terhadap pengurusan sisa pepejal kerana mahu memastikan kebersihan sekeliling berada pada tahap tertinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada SelangorKini selepas Majlis Perasmian Konsultasi Pelan Induk Sisa Pepejal Shah Alam dan Sesi Focus Discussion Group, di Dewan

Banquet Pejabat Cawangan MBSA, di sini, baru-baru ini.

Ahmad Zaharin berkata, idea pelaksanaan pengurusan sisa pepejal juga melihat kepada keberkesanan yang diguna pakai negara maju seperti Sweden.

"Banyak ilmu diadaptasi daripada negara berkenaan yang berjaya melaksanakan pengurusan sisa pepejal dengan baik.

"Kami dapat nilai dan kaji secara lebih mendalam untuk mengaplikasikan perkara ini serta optimis ia membuahkan hasil," katanya.

Melihat kepada kejayaan itu, beliau berkata, MBSA berupaya menguruskan 154,236 tan metrik sisa domestik pada tahun lalu yang terdiri daripada sisa rumah dan sisa pengusaha makanan.

Manakala, sisa pembersihan awam adalah 97,739 tan metrik terdiri daripada sisa daun kering, bulky waste dan sisa longkang.



## Futsal IPMC tawar hadiah menarik

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menawarkan hadiah RM4,450 kepada pemenang Kejohanan Futsal Jawatankuasa Pengurusan Taman Perusahaan (IPMC) 2018 yang bakal dianjurkan di Gelanggang Futsal Ole, Olak Lempit, pada 22 April ini.

Yang Dipertuanya, Mohamad Zain A Hamid berkata, kejohanan itu akan bermula pada jam 8 pagi dengan yuran penyertaan RM100 bagi setiap pasukan dengan tarikh tutup, pada 20 April ini.

"Dalam kejohanan ini, terdapat dua kategori dipertandingkan iaitu lelaki dan wanita. Bagi kategori lelaki akan memenangi hadiah wang tunai RM1,000, manakala kategori wanita RM500.

"Ia dilaksanakan bertujuan memantapkan lagi keupayaan dalam bidang sukan serta meningkatkan aspek sosial antara semua pihak.

"Di samping itu, kejohanan ini bagi memberi galakan kepada golongan pengurusan tertinggi sehingga pekerja kilang supaya sentiasa aktif dalam aktiviti sukan," katanya kepada Selangor-

la dilaksanakan bertujuan memantapkan lagi keupayaan dalam bidang sukan serta meningkatkan aspek sosial antara semua pihak

**MOHAMAD ZAIN A HAMID**  
Yang Dipertua MDKL

Kini.

Katanya, program itu juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara IPMC dengan kilang, di daerah Kuala Langat.

Program anjuran MKDL dan IPMC daerah Kuala Langat itu bermula sejak 2012 dan kini memasuki edisi keenam.



Sedia perkhidmatan terbaik

# Contohi MPKj laksana perbandaran sejahtera



MPKj mengalami perkembangan pesat bagi pembangunan perbandaran dengan kemudahan jaringan pengangkutan terbaik kepada masyarakat di kawasan itu

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**KAJANG** - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) diangkat sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbaik dalam usaha menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur efisien kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, komitmen itu perlu menjadi pengukur kepada PBT seluruh negeri untuk menjadikan perbandaran di negeri itu lebih lestari dan membangun.

"Misi dan visi menyediakan perkhidmatan perbandaran serta infrastruktur ke arah kehidupan berkualiti menuntut MPKj menyediakan perkhidmatan cemerlang, efisien juga tepat pada waktunya mengikut keutamaan rakyat.

"Kriteria ini harus menjadi kayu ukur kepada PBT lain, apatah lagi bagi sebuah bandar yang sedang membangun dan maju dengan begitu pesat.

"Melalui jumlah populasi yang penduduk kian meningkat, pelu-

ang pekerjaan tinggi dan aktiviti ekonomi serta komersial yang rancak akan menjadikan Kajang sebagai sebuah bandar mampan untuk terus memainkan peranan tranformasi Selangor sebagai *Smart State*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, MPKj, di Dewan Seri Cempaka, Saujana Impian Kajang, pada 12 April lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga komited membawa kemajuan negeri selaras peningkatan taraf kehidupan rakyat.

Katanya, adalah penting bagi sesebuah Kerajaan Negeri menunaikan janji dan perkhidmatan tepat pada waktunya.

"Kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini seperti yang berlaku dalam banyak isu leagasi tanah termasuk Revolusi Hijau di Ijok juga isu tanah Felda Sungai Buaya di Hulu Selangor oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

"Ia adalah satu pengkhianatan kepada aspirasi rakyat," katanya.

## Jalin kerjasama tingkat Smart Partnership

**KAJANG** - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) komited mempertingkatkan hubungan baik antara badan bukan kerajaan (NGO) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di Selangor.

Yang Dipertua MPKj, Mohd Sayuthi Bakar berkata, ia dilaksanakan bagi memperbanyakkan jalinan perkongsian pintar atau *Smart Partnership*.

Katanya, inisiatif itu bagi mencari penyelesaian lebih efektif dalam menambahkan perkhidmatan MPKj kepada *stakeholder*.

"Kerjasama dijalinan dengan sektor terbabit bukan sahaja dapat memaksimumkan idea dan cara alternatif yang inovatif tetapi turut merangkumi kaedah lebih berkesan serta berkua-

liti.

"Saya percaya ia akan mengurangkan kos perbelanjaan MPKj, dalam jangka masa panjang," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKj 2017 di dewan Sri Cempaka Saujana Impian, di sini.

Pada masa sama, MPKj menggalakkan kakitangannya mengamalkan budaya kerja lebih cekap dan pantas bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Warga kerja MPKj perlu sentiasa mempraktikkan elemen kepantasan dalam melakukan keputusan dan melaksanakan tindakan.

"Namun, kepantasan ini tidak boleh dilaksanakan secara melulu," katanya.



**Smart Partnership** menjadi keutamaan Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan hasrat Selangor sebagai *Smart State*

**WORLDWIDE HOLDINGS (6430-P)**

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	<b>No Tender: WHB/PU/OT/PRO/03/18</b>  <b>TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF STREET LIGHTING &amp; TRAFFIC LIGHT SERVICES FOR CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH JAMBATAN, JALAN MASUK UTAMA DAN KERJA-KERJA MELEBARKAN SUNGAI UNTUK PEMBANGUNAN SELUAS 439 EKAR TANAH DI ALAM PERDANA, MUKIM IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN. UNTUK TETUAN WORLDWIDE PROPERTY MANAGEMENT SDN. BHD</b>	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor  <b>Gred : G4 dan/atau G5</b>  <b>Kategori : E4 dan/atau E11</b>  (Kontraktor dikehendaki untuk membawa cop syarikat & sijil CIDB sewaktu pembelian tender dokumen)  Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman yang serupa di bidang berkaitan)	Bayaran Dokumen Tender <b>RM200.00</b> kepada KWA CONSULT SDN BHD (Bayaran dalam bentuk cek dan tidak akan dikembalikan)	<b>19 April 2018 sehingga 20 April 2018</b>  <b>Di pejabat:</b> KWA CONSULT SDN BHD 73-2, BLOCK G, ZENITH CORPORATE PARK, JALAN SS 7/26, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR  T: 03-7887 6618 F: 03-7887 6628  <b>Waktu Pejabat:</b> Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30tgh 2.30ptg - 5.00ptg  <b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam 12.00tgh, <b>4 Mei 2018 (Jumaat)</b>

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

**TENDER BOX B**  
**JABATAN PEROLEHAN**  
 LOT 01-03-01  
 WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD  
 NO 1 WORLDWIDE@7  
 JALAN LAZUARDI 7/29  
 40000 SHAH ALAM  
 SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel : 03-5510 2525 No. Fax 03-5510 4448

1. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan  
 2. Pihak Worldwide Property Management Sdn Bhd tidak terikat menerima Sebut Harga terendah atau mana-mana Sebut Harga



## PPMO2018 mantap kemahiran *Microsoft Office* guru

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) menganjurkan program Pengukuhan *Microsoft Office* dalam kalangan Guru Sekolah Selangor (PPMO2018) sebagai inisiatif memantapkan kemahiran penggunaan aplikasi *Microsoft Office level Intermediate to Advance*.

Pengarah Komunikasi Korporat UNISEL, Hasril Abu Hassan berkata, program itu dijalankan menerusi geran penyelidikan yang dianugerahkan kepada pensyarah Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran (FKSVP) iaitu Nahdatul Akma Ahmad dan Azaliza Zainal.

"Matlamat utama program ini untuk meningkatkan penggunaan aplikasi komputer *Microsoft Office* dalam kalangan guru dengan menyuntik elemen membuat persembahan menggunakan infografik, memasukkan elemen audio dan video dalam persembahan serta menggunakan

beberapa fungsi khas bagi menyediakan laporan dengan lebih efektif.

"Dengan ilmu ini, kita berharap dapat memudahkan urusan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar di sekolah seiring kemajuan teknologi, pada masa kini," katanya dalam kenyataan.

Hasril berkata, program itu membabitkan kerjasama UNISEL dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor.

Seramai 47 guru dari lima sekolah sekitar daerah Kuala Selangor, Klang dan Hulu Langat terbabit dalam PPMO2018 yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Muda Musa, Bestari Jaya, baru-baru ini.

Antara sekolah lain terbabit adalah SMK Raja Muda Musa, SMK Sultan Sulaiman Shah, SMK Sungai Choh dan SMK Raja Ma-



PPMO2018 dilaksanakan pada Mac sehingga April ini membabitkan lima sekolah sekitar daerah Kuala Selangor, Klang dan Hulu Selangor

#StandTogether

## Tangani kes buli



Kempen #StandTogether yang dilancarkan tahun lalu adalah satu inisiatif menangani isu buli daripada terus menular, di sekolah

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Yang Amat Mulia, Tengku Datin Paduka Setia Zatashah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu semangat dan inisiatif ditunjukkan pelajar serta guru menerusi kempen Minggu Kebajikan Kebangsaan #StandTogether berterusan, dari semasa ke semasa.

Titah baginda, hal itu kerana pembabitan pelajar yang mengambil bahagian dalam membina persekitaran sekolah yang baik sangat membanggakan.

"Mereka adalah individu yang mempunyai kuasa untuk membuat perubahan, menjadi contoh kepada orang ramai dan boleh dimulakan pada usia muda," titah baginda.

Baginda yang menyokong program #StandTogether sejak ia diperkenalkan tahun lalu berkata demikian ketika melawat SMK USJ12 sebagai sebahagian daripada aktiviti kempen berkenaan, baru-baru ini.

Sejak seminggu lalu, pelajar di SMK USJ12 menghimpunkan mesej positif dalam kotak kebaikan (*kindness box*) yang

seterusnya dipaparkan di papan khas, Kindness Board.

Malah, mereka turut mengumpul pencalonan bagi *Hero Project* bertujuan memilih wira dalam kalangan guru dan pelajar yang banyak memberi inspirasi kepada orang lain.

Minggu Kebajikan Nasional yang bermula pada 2 April lalu menyaksikan pembabitan lebih 620 sekolah melaksanakan aktiviti bagi membendung keganasan dan buli.

Sekolah terbabit turut diberi panduan berhubung minggu kebaikan termasuk aktiviti bilik darjah, permainan dan aktiviti peringkat sekolah untuk membanteras kegiatan buli.

#StandTogether memberi penekanan kepada aspek kesejahteraan dan mengamalkan nilai positif dalam kalangan murid serta seluruh komuniti di sekolah untuk mewujudkan persekitaran kondusif di bilik darjah, sekolah juga masyarakat.

Baginda bertitah, masyarakat perlu bekerjasama dalam menangani dan mencegah isu itu.

## UNISEL mahu Shah Alam kekal hijau

**SHAH ALAM** - Penuntut Universiti Selangor (UNISEL) mahu Shah Alam terus kekal hijau selari namanya, Shah Alam Bandar Lestari.

Pengarah Projek Kempen Go Green, Mohammad Hafiq Atan, 23 berkata, masyarakat setempat perlu mengekalkan kehijauan berkenaan dengan mengamalkan kempen kitar semula.

"Kempen kitar semula ini memang kedengaran klise, namun jika tidak dilakukan mungkin status bandar lestari tidak wujud lagi.

"Pada 2016, kajian mendapati setiap isi rumah menghasilkan 15,000 tan metrik sampah sehari, jumlah berkenaan juga dipercayai boleh memenuhi bangunan KLCC, jadi sudah tentu masalah ini perlu dipandang serius semua pihak," katanya ketika Kempen Go Green di Unisel Shah Alam, baru-baru ini.

Kempen yang berlangsung selama

tiga hari itu turut membabitkan lebih 100 penuntut Fakulti Perniagaan dan Perakaunan.

Selain forum kitar semula, penuntut UNISEL turut berpeluang mempamer serta mengutip barangan terpakai daripada penduduk Shah Alam.

Mohammad Hafiq berkata, kempen UNISEL membudayakan kitar semula dilihat berjaya walaupun dianjurkan secara kecil-kecilan.

"Penduduk Shah Alam khususnya menyedari barang terbuang boleh menjana pendapatan sampingan, sekarang kita mempergiatkan lagi usaha dengan menanam budaya ini menerusi amalan 3R

iaitu *Reduce, Reuse* dan *Recycle*.

"Jika ini benar-benar mencapai matlamat ditetapkan, maka Shah Alam akan menjadi kawasan lebih bersih, pada masa depan," katanya.



Tarik lebih untuk jadi lebih KAW!

Jom IKLANKAN perniagaan anda bersama kami dan tarik lebih ramai pelanggan.

Untuk tempahan atau info lanjut pengiklanan, hubungi:  
Nadhras - 011 1139 0244  
Shafiq - 017 790 6759

Laksana pelbagai usaha

# Dominan martabat syiar Islam

OLEH NORHAYATI UMOR

**GOMBAK** - Usaha Kerajaan Negeri meningkat dan memartabatkan syiar Islam di Selangor tidak dapat dinafikan, malahan sentiasa berusaha memastikan nilai itu diserapkan dalam pelbagai aspek.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Selangor adalah negeri contoh apabila dominan mengangkat martabat umat Islam.

"Pelbagai usaha dilakukan

termasuk memberikan peruntukan RM400 juta kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerusi Belanjawan Negeri 2018.

"Kita memberi jaminan umat Islam, selagi saya masih di sini, maka saya akan bekerja kuat mempertahankan Islam," katanya, di sini, pada 14 April lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, isu pemilikan tanah Madrasah Al-Ittihad, di Taman Setia Gombak itu selesai, sejak 2016.



Mohamed Azmin beramah mesra bersama penduduk setempat ketika menghadiri majlis dialog bersama penduduk, di Madrasah Al-Ittihad, Taman Setia Gombak

Katanya, Kerajaan Negeri sudah menyerahkan kepada JAIS untuk mengambil alih penguasaan.

"Menerusi beberapa siri perbincangan, isu tanah ini selesai. Kita tidak mahu pemaju mengambil alih.

"Tawaran RM1.79 juta diterima dan Kerajaan Negeri berjaya menyelesaikan masalah ini," katanya.

## Peruntukan tambahan biaya aktiviti masyarakat



Keperluan masyarakat Sikh sentiasa dipenuhi Kerajaan Negeri bagi memastikan aktiviti kegamaan mereka dapat dijalankan sebaik mungkin

**BATU CAVES** - Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan tambahan RM740,000 bagi pelaksanaan program keagamaan kaum Sikh dalam usaha memperkasa tradisi dan adat komuniti itu, di Selangor.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, peruntukan itu sekali gus dapat membantu membiayai dana aktiviti sosial serta kebudayaan dalam kalangan penganut Sikh.

"Menerusi kemudahan ini, Gurdwara sedia ada dapat diselenggara dengan baik untuk memberi keselesaan kepada mereka menjalankan kegiatan agama sebaik mungkin.

"Kita turut mengiktiraf golongan ini dengan memenuhi keperluan yang diperlukan," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Hari Vaisakhi, di Gurdwara Sahib, di sini, pada 14 April lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, walaupun komuniti Sikh adalah kaum minoriti di Selangor,

namun kebajikan dan kepentingan masyarakat itu tidak pernah dipinggirkan.

"Sumbangan kaum Sikh penting terhadap negara, justeru kita akan sentiasa memastikan tiada komuniti terlepas daripada menikmati kemudahan ini," katanya.

Terdahulu, masyarakat Sikh merayakan sambutan Hari Vaisakhi pada 14 April setiap tahun untuk memperingati kelahiran Khalsa iaitu hari terpenting bagi kaum itu, di seluruh dunia.

## JAIS terima Masjid Cyberjaya 10

**CYBERJAYA** - Sterling Group (anak syarikat EMKAY GROUP) menyerahkan Masjid Cyberjaya 10 dengan kos pembangunan RM12.5 juta kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), di sini, pada 12 April lalu.

Pengarahnya, Dato' Haris Kasim berkata, JAIS merakamkan jutaan terima kasih kepada syarikat itu kerana sudi membiayai projek pembangunan masjid berkenaan.

"Saya percaya hasil kerjasama berterusan daripada syarikat tempatan dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat akan mampu menarik lebih banyak syarikat gergasi lain untuk mencontohi seterusnya membiayai projek pembinaan masjid, pada masa akan datang.

"Penyerahan ini, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan masjid di negeri ini adalah 421 buah," katanya ketika berucap pada Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat serta Penyerahan Masjid Cyberjaya 10 kepada JAIS.

Pada masa sama, Haris berkata, orang ramai dinasihat supaya tidak menjadikan masjid dan surau sebagai tempat berpolitik serta memecahbelahkan perpaduan ahli kariah seperti kehendak Peraturan 80 (2) Peraturan-peraturan Masjid dan Surau Negeri Selangor 2017.



Penyerahan Masjid Cyberjaya 10 menjadikan jumlah keseluruhan masjid di Selangor sebanyak 421 buah

WAKTU SOLAT SELANGOR							
19 - 25 APRIL 2018							
3 - 9 SYAABAN 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:39	5:49	7:05	1:15	4:28	7:21	8:31
20 Jumaat	5:39	5:49	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31
21 Sabtu	5:39	5:49	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31
22 Ahad	5:38	5:48	7:04	1:15	4:29	7:20	8:31
23 Isnin	5:38	5:48	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31
24 Selasa	5:37	5:47	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31
25 Rabu	5:37	5:47	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:41	5:51	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33
20 Jumaat	5:41	5:51	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33
21 Sabtu	5:41	5:51	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33
22 Ahad	5:40	5:50	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33
23 Isnin	5:40	5:50	7:06	1:17	4:31	7:22	8:33
24 Selasa	5:39	5:49	7:05	1:16	4:31	7:22	8:33
25 Rabu	5:39	5:49	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:41	5:51	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33
20 Jumaat	5:41	5:51	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33
21 Sabtu	5:41	5:51	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33
22 Ahad	5:40	5:50	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33
23 Isnin	5:40	5:50	7:06	1:17	4:31	7:22	8:33
24 Selasa	5:39	5:49	7:05	1:16	4:31	7:22	8:33
25 Rabu	5:39	5:49	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33



Blueprint Selangor

# 279 dapat manfaat

OLEH SABIRAH AZIZ

**SHAH ALAM** - Seramai 279 orang dari sembilan daerah menerima manfaat bantuan peralatan program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor 2018 dengan kos RM1.04 juta.



Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau berkata, program berkenaan adalah salah satu Inisiatif Peduli Rakyat bertujuan membantu menaikkan taraf ekonomi rakyat.

Katanya, Kuala Langat mencatatkan penerima tertinggi iaitu 59 orang, diikuti Hulu Selangor (45), Sepang (44), Sabak Bernam (41), Hulu Langat (28), Klang (19), Gombak (15), Petaling dan Kuala Selangor masing-masing 14.

"Dengan peruntukan tahunan RM2 juta, saya yakin program ini mampu memanfaatkan peniaga kecil di Selangor untuk meningkatkan pendapatan seterusnya berupaya menaikkan taraf ke-



Ganabatirau bergambar kenangan bersama usahawan kecil Blueprint Selangor 2018

hidupan ke tahap lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Merakyatkan Usahawan Kecil Blueprint Selangor 2018, di Ruang Legar Aeon Mall, di sini.

Ganabatirau berkata, melalui program itu, 3,652 menerima manfaat bantuan berbentuk mesin atau peralatan bagi tempoh sehingga 30 Mac lalu membabitkan perbelanjaan RM11.28 juta sejak mula dilaksanakan, pada 2008.

Katanya, bantuan itu mem-

bolehkan rakyat melakukan anjakan paradigma dalam meningkatkan pendapatan untuk menyara diri dan keluarga masing-masing.

"Justeru, saya menyeru semua penerima manfaat menggunakan sebaik mungkin bantuan peralatan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga masing-masing," katanya.

Sementara itu, seorang penerima, Dahalan Sulaiman, 62, dari Kuala Kubu Bharu berkata, bantuan berkenaan dapat meringankan bebannya yang kini

membuat pekerjaan memotong rumput.

"Saya sudah bersara dan membuat pekerjaan ini bagi menampung keluarga, justeru bantuan ini sedikit sebanyak membantu melancarkan pekerjaan kerana harga mesin rumput mencecah kira-kira RM500.

"Diharapkan bantuan ini dapat diteruskan bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan," katanya sambil menambah jumlah pendapatan diperolehinya kira-kira RM1,000 sebulan sahaja.



Sebahagian alumni yang bakal menerima manfaat program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor

## Alumni kongsi kejayaan produk

**SHAH ALAM** - Seramai 31 alumni penerima manfaat program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Selangor (Blueprint), berkongsi kisah kejayaan meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan dalam Karnival Merakyatkan Usahawan Kecil, di Aeon Mall, di sini.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau berkata, karnival selama dua hari itu turut memberi peluang kepada alumni terbabit mempromosi produk, sekali gus memperluaskan jaringan dan rantai perniagaan mereka.

"Terdapat empat slot cera-

mah dan bengkel berkenaan asas keusahawanan serta strategi pemasaran dinamik kepada penerima dan masyarakat umum.

"Penganjurannya juga bertujuan memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan usahawan atau peniaga kecil khususnya penerima manfaat program," katanya.

Alumni terbabit menjalankan pelbagai perniagaan antaranya membabitkan perusahaan pembuatan songkok, lukisan, rawatan kecantikan, pembuatan sos sengkuang calit, maruku, bahu, dodol dan kerepek.

Untuk rekod, Blueprint adalah salah satu inisiatif

yang dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi individu yang berpendapatan RM1,500 sebulan atau pendapatan isi rumah, di bawah RM3,000.

Ia disalurkan kepada peniaga kecil melalui pemberian bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perusahaan dijalankan dalam menghasilkan impak positif terhadap pendapatan golongan sasaran seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan, di Selangor.

Blueprint turut memberi ruang peluang kepada peniaga kecil memperluaskan jairngan perniagaan.

## Dua pusat rawatan dialisis terima bantuan

**PUCHONG** - Sejumlah RM260,000 disumbangkan Kerajaan Negeri bagi membiayai rawatan pesakit buah pinggang, di Yayasan Kebajikan SSL Hemodialisis, di sini.

Sumbangan disampaikan Pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mewakili Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi kepada Naib Presiden yayasan, Wong Peng Wah.

Katanya, jumlah itu bagi menanggung kos rawatan 52 pesakit di dua pusat dialisis yayasan, iaitu di Puchong dan Petaling Jaya.

"Ia adalah bantuan yang diluluskan dari Januari hingga Mac, tahun ini. Setakat ini, lebih 400 pe-

sakit buah pinggang dibantu.

"Kami juga mendasarkan bantuan RM5,000 kepada seorang pesakit dengan anggaran 1,000 penerima bagi peruntukan RM5 juta setahun," katanya kepada SelangorKini.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara, Ng Sze Han dan ADN Bukit Gasing, R Rajiv.

Terdapat kira-kira 200 pesakit yang menjalani rawatan dialisis di pusat rawatan berkenaan.

Pesakit yang layak boleh memohon mendapatkan bantuan di laman sesawang Bantuan Sihat Selangor iaitu bantuansihat.selangor.gov.my.



Bantuan Sihat Selangor diperkenalkan sejak 2009 dengan keutamaan diberikan kepada pemohon yang tidak mendapat bantuan



## Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar

# Himpun pelapis seluruh negara

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar dan Piala Timbalan Datuk Bandar, pada 11 hingga 15 April lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, penganjuran saban tahun itu bertujuan melahirkan pemain pelapis sukan bola tampar untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

"Pada masa sama, kejohanan

ini juga bagi memupuk amalan hidup sihat dalam kalangan peserta dan menjadi landasan terbaik untuk memperkenalkan Shah Alam sebagai bandar raya sukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Bola Tampar, di Dewan Bola Tampar MBSA, Seksyen 4, di sini, pada 15 April lalu.

Shahrin berkata, Kategori Terbuka Lelaki dan Wanita Kebangsaan Piala Datuk Bandar Shah Alam berjaya menarik penyertaan 12 pasukan jempunan dari seluruh negara.

Katanya, sebanyak 48 pasu-

kan amatur pula menyertai Kejohanan Piala Timbalan Datuk Bandar.

"Ia termasuk dari Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

"Selain itu, pembabitan sama dalam kejohanan kali ini adalah daripada Pasukan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia," katanya.

Pada kejohanan itu, pasukan Bola Tampar Lelaki Selangor mendominasi kemenangan dengan membawa pulang wang tunai RM10,000, medal berserta piala iringan.



## Monster Yamaha Tech3 bangga Hafizh Syahrin cemerlang

**SHAH ALAM** - Prinsipal pasukan Monster Yamaha Tech3, Harve Poncharal, berbangga dengan prestasi dipamerkan Hafizh Syahrin Abdullah dalam saingan MotoGP pada perlumbaan GP Argentina, pada 8 April lalu.

Beliau berkata, pihaknya tidak menyesal mengikatnya dan Hafizh membuktikan kemampuan menamatkan perlumbaan pada kedudukan kesembilan serta muncul pelumba baharu terbaik.

"Ia minggu menakutkan kerana terlalu susah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca tidak menentu ketika kami, di sana.



"Tahniah kepada Hafizh yang menempuh hujung minggu luar biasa tanpa sebarang kesilapan walaupun bermula dari petak belakang dan bersaing dengan mereka yang jauh berpengalaman. Saya rasa keputusan diraih akan meningkatkan tahap keyakinan beliau," katanya dipetik <https://www.sepangcircuit.com/>

Beliau berkata, pihaknya gem-

bra memilih Hafizh bagi menggantikan Jonas Folger yang mempunyai masalah kesihatan.

Dalam perlumbaan di Litar Termas de Rio Hondo itu, Hafizh bermula dari petak ke-23 dan menamatkan saingan di tangga kesembilan.

Hafizh menjadi pelumba pertama dari Asia Tenggara yang bersaing dalam kelas utama itu dan selepas dua pusingan, kini berada di kedudukan ke-13 keseluruhan dalam senarai MotoGP dengan sembilan mata.

Pusingan seterusnya akan berlangsung di Litar Americas, Austin Texas, pada 20 hingga 22 April ini.

## Pusingan kedua Cub Prix ditunda

**SHAH ALAM** - Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas di Temerloh, Pahang, yang dijadualkan berlangsung pada 5 dan 6 Mei ini ditunda, pada satu tarikh yang akan ditetapkan.

Keputusan itu dibuat pengan-

jur kerana ia hampir dengan tarikh berlangsung Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), pada 9 Mei ini.

"Atas nasihat dan perbincangan bersama Kerajaan Pahang, diumumkan pusingan kedua Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas

di Temerloh ditunda ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak," katanya dalam satu kenyataan.

PRU14 akan berlangsung pada 9 Mei ini dengan penamaan calon, pada 28 April sementara pengundian awal, pada 5 Mei ini.

## Harimau Malaya baiki ranking dunia

**SHAH ALAM** - Malaysia membaiki kedudukan dalam ranking bola sepak dunia apabila naik lapan anak tangga, di tempat ke-170.

Dalam senarai terbaru Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), skuad Harimau Malaya mencatat peningkatan berbanding kedudukan sebelumnya, pada tangga ke-178.

Malaysia yang dibimbing ketua jurulatih, Tan Cheng Hoe, selepas menggantikan Nelo Vingada, pada Disember tahun lalu, terbabit dalam dua perlawanan persahabatan antarabangsa di Stadium Bukit Jalil dengan beroleh keputusan seri 2-2 ketika bertemu Mongolia pada 22 Mac dan menang ketika membela-sah Bhutan 7-0, pada 1 April lalu.

Namun, Malaysia dikalahkan Lebanon 1-2, pada perlawanan terakhir Kumpulan B, Kelayakan Piala Asia 2019 di Stadium Sports City, Beirut, pada 28 Mac lalu.

Kemenangan dicatat ketika berdepan Bhutan adalah yang pertama sejak kali terakhir melakukannya apabila menundukkan Kemboja 3-2 dalam Piala Suzuki AFF 2016, di Yangon, Myanmar, pada 20 November 2016.



Dalam senarai negara Asia Tenggara, Malaysia menduduki tangga ketujuh di belakang Filipina (113), Thailand (122), Myanmar (135), Indonesia (162), Nepal (162) dan Kemboja (168).

Sementara itu, juara Piala Dunia 2014, Jerman dan Brazil mengekalkan kedudukan pada tangga pertama dan kedua.

Manakala Belgium dari tangga kelima naik ke tempat ketiga menggantikan Portugal yang turun satu anak tangga (keempat) diikuti Argentina (kelima).

# SUKANANE



OLEH NORHAYATI UMOR

Permainan dalam talian (E-Sport)

## Lahir pemain profesional

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri terus komited menganjurkan permainan dalam talian (E-Sukan) bagi mengiktiraf pemain kategori terbabit, di negeri itu.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, landasan itu dapat mengetengahkan bakat pemain, sekali gus melahirkan pemain profesional.

Katanya, Selangor memenuhi permintaan peminat permainan dalam talian dan membantu mereka menjana pendapatan selain menukar persepsi ia membuang masa serta wang.

"Kerajaan Negeri memulakan E-Sukan sejak 2014 yang setiap tahun dilaksanakan tanpa gagal.

"Kita beri tumpuan kepada *mobile game* seperti ini, contohnya *Mobile Legend* yang kita percaya ada impak positif walaupun adakala ramai memandangnya seperti membuang masa.

"Tetapi kita perlu lihat ke hadapan, perkembangan E-Sport ketika ini sedang pesat membangun," katanya kepada SelangorKini selepas merasmikan



Amirudin meninjau peserta yang mengambil bahagian sempena Selangor Mobile Legends Championship 2018

kan Selangor Mobile Legends Championship 2018 (E-Sukan), di SACC Mall, di sini, pada 15 April lalu.

Pada masa sama, Amirudin

berkata, penganjuran julung kali *Selangor Mobile Legends* mendapat sambutan menggaklakan dengan penyertaan 128 pasukan.

"Sambutan diberikan luar biasa. Kita menerima penyertaan dari Singapura selain Lembah Klang dan negeri lain," katanya. Pada program itu, seramai

640 peserta mengambil bahagian bagi merebut hadiah wang tunai keseluruhan RM20,000.

Selangor menjadi negeri pertama menganjurkan dan mengiktiraf atlet E-Sukan, sejak 2014.

Sementara itu, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri akan menawarkan hadiah lebih lumayan dalam acara Selangor Cyber Games 2018 yang bakal diadakan, pada Ogos ini.

Beliau berkata, acara tahunan itu juga akan membuka lebih ramai penyertaan dari seluruh pelusuk negara.

E-Sukan adalah permainan sukan atas talian yang cenderung membabitkan penyertaan golongan belia berumur 25 tahun, ke bawah.

Dalam beberapa tahun ini, perkembangan E-Sukan dilihat semakin berkembang pesat dengan pengajuran acara seperti The Legends Circuit, Malaysia Cyber Games, Selangor Cyber Games dan ESL Genting.

UNDI KEADILAN



**SELANGOR**  
MASA DEPAN MALAYSIA

**PELANCARAN JELAJAH  
PAKATAN HARAPAN SELANGOR**

Isnin, 23 April 2018 | 8.30 malam  
Stadium Kuala Selangor

Bersama:  
YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed  
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail  
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali  
Tan Sri Muhyiddin Yassin  
Sdr Lim Guan Eng  
Sdr Mohamad Sabu  
Sdr Dr Xavier Jayakumar

**DIJEMPUT HADIR BERAMAI-RAMAI**

